

STRUKTUR PENGELAKAN TAHU &
KEMISKINAN DI KAMPUNG BECHAH KELANTAN,
PASTI MAS, KELANTAN.

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMPENUHI SEMANGAT
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTRA
DALAM ANTRROPOLOGI DAN SOCIOLOGI

Oleh

No. Matrik: 20431

JABATAN ANTRROPOLOGI DAN SOCIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

1978/79.

PENGHARGAAN

Untuk menyiapkan kajian seperti ini, pengkaji sangatlah berhutang budi dengan beberapa pihak, pertamanya, saya ucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya Dr. Lim Nah Hui, yang telah memberi banyak tegoran-tegoran membina di dalam menilai penulisan ini dari awal hingga akhir. Penulis juga tidak lupa untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Cik Hing Ai Yun yang telah mengambil-aleh tugas menyelia kerana penyelia pertama mempunyai tugas-tugas tersendiri.

Kedua, diucapkan ribuan terima kasih kepada tuan Pegawai Daerah Pasir Mas, kerana banyak memberi data-data yang berkaitan dengan kampung ini.

Tidak ketinggalan juga saya ucapkan terima kasih kepada penduduk-penduduk kampung ini kerana telah memberi kerjasama ketika menyiapkan data-data kajian ini.

Akhir sekali, saya majukan ucapan ribuan terima kasih kepada kawan-kawan seperjuangan yang telah banyak memberi perangsang dalam bentuk material ataupun non-material.

No. Matrik:

028431

PEMBETULAN

<u>Muka Surat</u>	<u>Baris</u>	<u>Yang Salah</u>	<u>Patut Dibaca</u>
2	11	pelajar	pelajaran
4	7	Bechah	Bachok
20	20	to the	to the
23	3	Danau	Panau
25	7	satu	Satu
32	8	Sekali	Sekati
37	10	Golok	Galok
101	1	kehilangannya	kepadanya
105	jadual. 23	8.3 1.0	7.6 1.5
108	23	Hancharan Singh	Hacharan Singh Khera
		KI Kera	
7	18	Jaduat (1)	Rata (1)
27	17	kingship	Kinsman.

Selaruh Agil secara umum Kelantan, serta pengenal-pengenal tanah baru dan juga pengenal struktur pembahagian tanah

27 - 40

- 1.1 Secara umum.
- 1.2 Kemasukan bantuan.
- 1.3 Pengenalan getah di Bechah Kelubi.
- 1.4 Kemasukan padi di Bechah Kelubi.
- 1.5 Pengenalan tanah tembakau di Bechah Kelubi.
- 1.6 Pembaharuan sistem pemilikan tanah.

Struktur pemilikan tanah di Bechah Kelubi masa kini dan perkembangannya kini

41 - 50

1. Struktur pemilikan tanah bendang.
 - 1.1 a. penilik tanpa menyewa
b. yang bukan dari petani
 Kes study I
c. penilik dari petani yang kerjakan sendiri
d. penilik dari petani dan diberi sewa pada orang lain
 - 1.2 Faktor menganugerahi petani sewa pada orang lain.
 - a. Kesihatan
 Kes Study II
 - b. Keluasan tetap sempit,
 Kes study III
 - c. Kedudukan tanah bendang telah jual di tempat tinggal.
 Kes study IV.

1.2 Penilik dan penyewa

1.3 Penyewa tanpa pemilik

1.4 Sifat tuan tanah

Kes study V

3. Struktur pemilikan tanah ladang.

1. bertanah sendiri

2. Menyewa sebahagian

3. Menyewa sepenuhnya

Bab V

Aktiviti Ekonomi Masyarakat Sechah Kelubi

74 - 95

1.1 Pekerjaan

a) Aktiviti yang bercorak ekonomi pertanian

- jenis pekerjaan

i) kerja tetap

penanaman getah

penanaman tembakau

- peringkat tanam (i)

- peringkat tanam (ii)

- peringkat tanam (iii)

ii) kerja sementara

Pendapatan dan pemilikan.

i) pemilikan.

ii) pendapatan - kajian kes

iii) pembelanjaan - kajian kes

b) aktiviti ekonomi dalam pertanian.

Jenis, pekerjaan,

i) kerja tetap

ii) kerja sementara

Pekerjaan,

Kajian kes.

Hasil keluaran ketiga jenis pertanian

Kesimpulan.

Bab VI

Masaalah sosial dan struktur pemilihan yang tidak sistem 96 - 114

1.1 Pemilihan ikut jentera

1.2 Pemilihan ikut umur

1.3 Pekerjaan ikut pelajaran/pembahagian yang tidak sistem.

1.4 Pengenalan buat kebudayaan/tempat lain

- Perkembangan pelajaran moden
- kekurangan tanah untuk diusahakan
- Atas sistem ekar.
- Pengaruh Barat.
- Faktor berfikir.

Bab VII

Penutup 115 - 119

Rujukan

120 - 121

Cantoh Soalan Soal Sebiden

I - IV

<u>Jadual</u>	<u>Muka Surat</u>
1. Struktur pemilik tanah bendang masyarakat Bechah Kelubi	43
2. Saiz tanah bendang yang dipunyai	45
3. Saiz tanah bendang yang disewa	47
4. Bilangan tuan tanah yang dikuasai	50
5. Struktur pemilik tanah getah Bechah Kelubi	59
6. Pembahagian pemilik tanah getah	61
7. Keluasan yang dimiliki oleh tuan tanah-tanah, jenis pekerjaan	61
8. Jenis petani yang menyewa mengikut keluasan	63
9. Tempat tinggal dan keluarga pemilik ladang getah	65
10. Jenis pelajaran tuan tanah ladang Bechah Kelubi	66
11. Hubungan darah penyewa dan pemilik	67
12. Struktur keluasan tembakau Bechah Kelubi	69
13. Struktur pemilik tembakau di Bechah Kelubi	71
14. Jenis pekerjaan dari pertanian	75
14a Jenis dan luas	75
15. Jadual masyarakat kerja di bendang	78
16. Keluasan tanah yang dimiliki oleh keturunan	84
17. Pendapatan	86
18. Kategori pekerjaan yang terlibat dengan pertanian	89
19. Pendapatan tetap	90
20. Jenis penguasaan hutan di Bechah Kelubi	97
21. Tabur pemilik berdasarkan pada umur	99
22a Pembahagian pelajaran oleh anak-anak ibubapa mereka	102
22b Perbandingan pada ibubapa dan anak-anak	103

23. Tempat pekerjaan yang diterima oleh anak-anak mengikut kelas	105
24. Buruh dalam kampung segi umur	110
25. Ketegeri gaji diterima	111
26. Tempat pembahagian kerja dalam kampung	113

Kes study I	51
di tempat kerja sendiri	
Kes study II	53
Faktor sebahagian	
Kes study III	53
Kerja tiefisien	
Kes study IV	54
Kedudukan jauh daripada kampung	
Kes study V	57
Tekanan dari tuan tanah	
Kes study VI	62
Penbahagian kerja dalam keluarga penyewa-penyewa dan pemilik	
Kes study VII	67
Penggunaan tenag dimiliki oleh orang yang sudah kaya.	
Kes study VIII	68
Pendapatan	
Kes study IX	92
Perbelanjaan	

BAB I

PENDAHULUAN:

Kajian seperti ini meliputi 7 bab yang mana dibincangkan tentang sosioekonomi sebuah masyarakat di Kelantan.

1.1. Tujuan Kajian

Kajian ini merupakan satu 'Kes Study' yang dijalankan oleh penulis ke atas sebuah komuniti yang terletak di selatan sebelas batu dari Pasir Mas, Kelantan. Kajian seperti ini adalah penting kerana beberapa sebab yang akan diturunkan selepas ini, di mana keadaan-keadaan tersebut sering kita dengar di mana-mana pun orang tetap membincangkan.

Apa yang menjadi pokok tujuan kajian ini ialah untuk menghuraikan konsep pemilikan tanah yang terdapat di sini, bersabit dengan konsep inilah ujudnya masaalah ketidaksamaan di kalangan masyarakat, termasuklah ketidaksamaan di segi pemilikan tanah, pendapatan, pelajaran, pekerjaan, yang diperolehi oleh mereka. Kesemua ketidaksamaan yang disebutkan itu merupakan masaalah sosial yang penting dikaji sebelum mengambil apa-apa tindakan yang wajar. Di samping itu juga pengkaji telah mengutarakan beberapa kajian kes yang mengambarkan keadaan ketidaksamaan sebenarnya ujud di kampung ini.

Dalam konsep masaalah ketidaksamaan pemilikan tanah yang terdapat di sini, pengkaji ingin menganalisa apakah bentuk pemilikan di sini, sama ada bentuk tanah sendiri, menyewa sebahagian ataupun menyewa sepenuhnya, berkait dengan pemilikan ini, kita telah pun mengetahui

bahawa tanah merupakan sumber pengeluar yang penting bagi petani, tanah merupakan 'hidup mati mereka', kalau mempunyai tanah maka keadaan ekonomi mereka boleh dikatakan baik, begitulah sebaliknya, tanah juga menentukan seseorang itu kaya ataupun miskin.

Pengkaji juga ingin meninjau apakah bentuk pendapatan yang terdapat di sini, apakah ianya berbentuk bergaji tetap ataupun buruh kasar yang tidak tentu pendapatan mereka. Berapa ramaikah yang bergaji tetap ataupun sebaliknya. Kalau yang bergaji tetap mengandarkan keadaan ekonomi mereka baik, tapi kalau yang berbentuk tak tetap pendapatannya, maka keadaan ekonomi mereka adalah kurang baik.

Di segi pelajar, tujuan kajian ini ingin membuat suatu tinjauan secara menyeluruh berkait dengan keniskinan yang terdapat di sini. Bagaimanakah yang terdapat pada ibubapa mereka keadaan pelajar yang mereka terima dan kemudian dibuat perbandingan dengan pelajaran yang diterima oleh anak-anak mereka. Apakah sebab-sebab yang mendorong kepada mereka tidak begitu berjaya dalam meneruskan pelajaran mereka. Pelajaran juga menentukan seseorang itu maju atau mundur dengan kenyataan inilah kajian seperti ini dapat menunjukkan siapakah yang menerima pelajaran yang cukup dan yang tak cukup.

Pengkaji juga memberi beberapa tindakan yang patut dibuat untuk mengurangkan masaalah yang dihadapi kerana disebabkan pelajaran yang rendah ataupun tidak berpelajaran langsung. Ia bererti pekerjaan yang dibuat oleh mereka hanyalah dalam bentuk tulang empat kerat yang mana pendapatannya tidak tetap, ada yang terpaksa mencari kerja di tempat lain kerana masaalah pelajaran dan tanah yang berkurangan.

Selain daripada itu tujuan kajian ini juga ingin melihat bagaimana keadaan ekonomi masyarakat di sini apabila dasar-dasar teknologi baru yang dibawa oleh barat, termasuk juga dasar pelajaran sekular yang akan diterima oleh anak-anak mereka.

Berdasarkan tujuan-tujuan seperti di atas adalah menarangkan pada kita yang konsep kemiskinan merupakan ada kaitan yang rapat dengan pemilikan tanah di samping itu juga masalah seperti ketidaksamaan pelajaran, pendapatan, pekerjaan merupakan masalah sosial yang ujud kerana ujudnya pemilikan yang tak sama.

1.2. Kajian-Kajian Yang Lepas

Walaupun telah ujud kajian-kajian yang telah lalu tentang konsep kemiskinan, yang cuba diuraikan oleh pengkaji-pengkaji barat terutamanya, seperti Swift,⁽¹⁾ Firth,⁽²⁾ Nash Maning.⁽³⁾ Mereka-mereka ini mengkaji mengenai masyarakat semasa itu saja akan tetapi jarak masa 15 atau 10 tahun tentu mempunyai perubahan baik di segi pemilikan terutamanya ataupun di segi masalah sosial yang lain.

Swift telah menerbitkan suatu kajian di Jelebu, salah sebuah daerah di Negeri Sembilan. Dalam kajiannya beliau telah menyaranakan yang kegiatan ekonomi masyarakat kampung adalah bergantung rapat dengan nilai-nilai hidup mereka di kampung. Mereka tidak akan menyimpan

(1) M.G. Swift, Malay Peasant Society in Jelebu, London, Athlone, Press 1965.

(2) Raymond Firth: Malay Fisherman, Their Peasant Economy Routledge & Kegan Paul, Ltd. London, 1966.

(3) Nash Maning: Peasant citizen, politics, religion & modernization in Kelantan, Malaysia, (Athens, Ohio), U. Ohio 1974.

sebahagian pendapatan mereka untuk di masa depan, akan tetapi digunakan untuk kenduri secara besar-besaran kerana nilai-nilai hidup seperti kenduri tersebut mesti diadakan, nilai-nilai seperti ini mengikut pendapat Swift dapat mengurangkan daya keluaran mereka terhadap aktiviti mereka sehari-hari.

Keadaan yang hampir sama telah ujud pada kajian Firth yang dibuat oleh beliau keatas masyarakat di Daerah Bechah, di Kelantan. Mengikut beliau, masyarakat petani yang terdiri dari orang-orang Melayu mempunyai sikap boros, tidak menyimpan kalau ada lebihan dan juga kehidupan mereka berkait rapat dengan aspek-aspek adat mereka sehari-hari. Mereka akan mengadakan kenduri-kenduri yang besar apabila membuat kenduri kahwin di dalam keluarga mereka. Walaupun terpaksa melalui beberapa cara lain yang boleh menggugatkan keadaan ekonomi mereka.

Bagi pendapat Nash Maning pula mengatakan keujudan konsep kemiskinan di kalangan tani adalah bersebabkan mereka mempercayai sistem-sistem kepercayaan yang lama, yang mana sistem-sistem seperti ini menghalang kemajuan mereka di segi aktiviti yang dijalankan sehari-hari.

Pandangan yang lama juga telah diberikan oleh pengkaji tempatan Prof. Madya Syed Hussin Ali⁽⁴⁾ yang telah mengkaji masyarakat di Bagan, salah sebuah kampung di Johor, beliau mengatakan masyarakat Melayu, khususnya masyarakat luar bandar merupakan kadar pemilikan agak tinggi, antara orang berada dan rakyat biasa.⁽⁵⁾ Seterusnya, beliau

(4) Syed Hussin Ali: Stratification in Kpg. Bagan, 1964

(5) Syed Hussin Ali: Penumpuan milik tanah & Kemiskinan di kalangan Melayu luar bandar dalam Dewan Masyarakat, Sep., '75.

menyentuh tentang sikap orang-orang Melayu menjual tanah-tanah mereka untuk tujuan-tujuan seperti membuka kedai, naik haji ataupun kenduri kahwin, faktor-faktor ini beliau menyebut perbelanjaan luar biasa. Beliau juga mengatakan bahawa, di kalangan orang Melayu, konsep nasib dan rezeki boleh digunakan dengan pengertian yang positif atau negatif, dengan kata lain, nasib baik atau tak baik, tentang rezeki pula ia boleh mengatakan rezekinya murah atau mahal. Pada pendapat yang sama, P.J. Wilson,⁽⁶⁾ dalam kajiamnya mengatakan bahawa orang-orang Melayu patut diubah cara mereka berfikir dan juga cara hidup sehari-hari, kerana dengan cara inilah saja mengikutnya boleh mengubah kesukaran ekonomi mereka agar lebih positif dan berjaya.

Pendekatan-pendekatan di atas telah menekankan tentang soal-soal sosio-budayalah yang menjadikan ujudnya konsep kemiskinan terhadap orang-orang Melayu.

Pendekatan-pendekatan di atas adalah menunjukkan bahawa ianya mempunyai ciri-ciri yang berlainan apabila membuat kajian pada masa yang berlainan. Ini ditentukan oleh faktor masa, kelainan inilah yang menyebabkan terpaksa dibuat kajian semula ke atas sesebuah masyarakat tadi. Walaupun ianya berlainan di segi cirinya. Pendekatan mereka telah dibuat panduan kepada pengkaji-pengkaji selepas mereka. Misalnya kajian-kajian yang dibuat oleh Senu Abdul Rahman,⁽⁷⁾ Dr. Mahadhir Mohamed⁽⁸⁾ dalam kajian masing-masing mengenai kemunduran dan kemiskinan

(6) P.J. Wilson: A Malay Peasant Village in Malaysia, Social value & Rural Development, New Haven, Hraf Press, 1967.

(7) Senu Abdul Rahman: Revolusi Mental, Utusan Melayu, K. Lumpur, 1971.

(8) Dr. Mahadhir Mohd: The Malay Dilemma, Donald Moore for Asian Pacific Press, S'pore, 1970.

orang-orang Melayu.

Kedua-dua bentuk kajian ini, menunjukkan bahawa orang-orang Melayu adalah mundur kerana sikap mereka kurang anisiatif, kurang ingin tahu, tidak percaya pada diri sendiri dan juga mereka sebahagian besar adalah berserah semata-mata pada nasib. Kalau nasib tak baik, bust kerja kuat pun hasilnya kurang juga dan begitulah sebaliknya kalau bernasib baik.

Apa yang dapat dilihat di sini ialah kajian-kajian yang pernah dibuat oleh pengkaji sebelumnya banyak menekan pada soal-soal socio-budaya, mereka tidak langsung menitilberatkan soal-soal pemilikan secara lebih khusus. Kalau ada pun hanya sedikit saja perbincangannya.

1.3. Metode Kajian

Pengkaji telah menumpukan perhatian ke atas sebuah kampung iaitu Bechah Kelubi, penghuni yang tinggal di sini seramai 300 keluarga, data-data diperolehi secara temuramah dengan ketua-ketua rumah, dengan menggunakan soalan soal-selidik. Penulis telah mengemukakan beberapa persoalan yang berhubung dengan soal pemilikan kepada ketua rumah tersebut.

a) Kajian Luar

Kajian berbentuk ini adalah penting dibuat di dalam membuat sesuatu penganalisaan kerana semua data yang diperolehi adalah faktor sebenar, di mana kita sendiri mengalaminya. Dalam ujian antropologi metode seperti ini tidak boleh ditinggalkan di dalam membuat sesuatu penganalisaan yang bermakna (significant).

b) Temuramah (interview)

Metode ini merupakan langkah yang baik untuk mendapatkan sesuatu data untuk mengalakkan ujudnya persoalan berat sebalik dan tidak adil. Melalui metode ini kita dapat mengumpul faktor-faktor yang sebenarnya ujud pada masyarakat itu. Ianya adalah berbeza dari data yang diambil melalui kajian perpustakaan.

"In a questionnaire, the information are obtains is limited to the written, responses of subjects to prearranged questions. In an interview, since the interview and the person interviewed are both present as the questions are asked and answered the interviewed has the opportunity to observed both the subject and the total situation to which he is responding." (9)


c) Sample Selection

Pengkaji telah memilih seramai lima puluh anggota keluarga daripada 300 ketua keluarga yang mendiami di kampung ini. Pemilihan dibuat secara menomborkan rumah-rumah yang hendak ditemuramah, bermula dari rumah pengkaji sehingga keseluruhan seramai lima puluh ketua rumah yang mendiami di sekitar rumah pengkaji. Jadual I menunjukkan kedudukan sample-sample yang dipilih oleh pengkaji. Walaupun kaedah ini menghadapi beberapa batasan di dalam mengujudkan analisa yang bermakna, kerana sesuatu metode yang selalu dibuat secara random ataupun secara sampling

(9) Claire Sellitz: Research Metode in Social Science, Holt, Rinehart & Winston, New York, 1957, hal. 238.

PETA LAKAR
KG BECHAH KELUBI
DAN KAMPONG SEKITARNYA.

- PETUNJOK
- J. KERETAPI
 - J. RAYA
 - RUMAH HUTAN
 - TANAH KERIL
 - SAWAH PADI
 - GETAH
 - TEMBAKAU
 - JALAN KPG
 - A. SEKOLAH
 - C. MASJID
 - B. KILANG PADI



tetapi kaedah secara menonjorkan seperti di atas adalah dianggarkan dapat mewakili 300 ketua rumah di kampung ini.

d) Kaedah 'Participant Observation'

Untuk mengelakkan daripada perasaan salah anggap terhadap orang kampung tentang bentuk-bentuk soalan yang dikemukakan, pengkaji telah menggunakan kaedah seperti ini, kerana secara tidak mereka sedari kita telah dapat membuat sesuatu penganalisaan secara melibatkan diri dalam pergaulan mereka. Di sini, pengkaji tidak melibatkan langsung dalam aktiviti pekerjaan mereka secara langsung, tetapi melihat sendiri serta secara berbual dengan mereka apa-apa perkara yang dianggap dapat membantunya dalam pengumpulan data. Secara perbualan, mereka lebih beminat kalau dibanding dengan soalan-soalan yang dikemukakan kepada mereka. Dengan cara ini dapat melengkapkan lagi penganalisaan yang dibuat oleh pengkaji selain dari metode interview.

e) Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan adalah penting, di mana sumber-sumber yang diperolehi adalah didapati di sini sebagai asasnya, walaupun kajian seperti ini berbentuk 'Kes Study' tapi kita tidak dapat lari dari mengalami kajian perpustakaan untuk mendapatkan beberapa panduan yang pernah dibuat oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya.

Dengan kaedah-kaedah di atas adalah dikira dapat bagi pengkaji menyediakan kajian yang agak kemas dan juga kongkrit.

1.4. Masaalah Kajian

Masaalah yang besar dihadapi oleh pengkaji ialah soal ketetapan

maklumat yang diperolehi dari komuniti yang dikaji tadi. Pengkaji adalah berminat untuk mengetahui secara mendalam tentang pendapat dan juga hasil yang diperolehi oleh mereka, tetapi yang diberikan oleh mereka selalunya tidak tepat, sekadar agak-agak saja. Pengkaji tidak menyalahkan mereka, kerana pendapat yang mereka perolehi adalah tidak tepat. Ini mungkin menyusahkan pengiraan mereka kepada angka yang tepat. Begitu juga soal jumlah hasil yang mereka usahakan, iaitu ada setengahnya cuba menyembunyikan keadaan-keadaan yang tidak diingini pada mereka, kerana pada sangkaan mereka, kalau hasil menurun dengan mengatakan hasil yang baik boleh meningkatkan taraf kedudukan mereka, tetapi ini adalah merupakan satu masalah yang besar pada pengkaji kerana data sedemikian adalah merupakan data yang berat sebelah atau 'bias'. Walau bagaimanapun dengan menggunakan metode participant observation dapat pengkaji membuat kesimpulan yang kongkrit.

Masaalah waktu yang tidak seragam untuk membuat temuraman dengan ketua-ketua rumah juga merupakan masalah besar, kerana pada siang hari anggota-anggota ketua rumah bekerja di luar rumah. Yang tinggal di rumah hanyalah kanak-kanak yang kebanyakannya kurang dari 12 tahun. Mereka akan berada di rumah hanyalah waktu makan tengahari dan juga waktu rehat semasa makan malam, jadi masa untuk bertemu dengan mereka hanyalah terhad lebih kurang tiga jam saja sehari. Dengan ini tentulah mengambil masa yang agak lama untuk dihabiskan ke atas 50 ketua rumah itu. Dengan keadaan yang demikian, pengkaji telah menggunakan masa rehat selepas waktu makan malam untuk menemurah mereka, sebelum mereka tidur. Bagi ketua rumah yang boleh dianggap sebagai seorang berpelajaran, kertas questionair ditinggalkan kepada mereka

berpunca dari pengkaji sebagai 'anak tempatan'. Jadi bahasa di sini sudah pun sebatik dengan pengkaji, begitu juga pada masyarakat yang dikaji, mereka tidak langsung menaruh perasaan syak wasangka, sedaya yang boleh mereka cuba memberi gambaran yang sebenar apabila diminta sesuatu penjelasan.

Walaupun ada rintangan dan juga halangan yang terpaksa ditempuhi oleh pengkaji, namun sifat sabar, tolerasi dan penuh berhati-hati, pengkaji berjaya mengutarakan persoalan-persoalan itu dengan jelas. Soal kedudukan kampung Bechah Kalubi terletak di pendalamam. Maka masaalah perhubungan rumit juga, di mana segala data yang berkait dengan tanah tersimpan di Pejabat Daerah Pasir Mas. Akan tetapi, masaalah ini tidak berpanjangan kerana sebahagian besar adalah terletak di kampung.

Pada kesimpulannya dapat dikatakan apa yang dirasai oleh pengkaji merupakan masaalah-masaalah yang terpaksa dihadapi kerana pepatah orang tua ada menyebut, 'kalau tak dipecahkan ruyungnya manakan dapat sagunya', begitulah juga kajian ini, kalau tidak bersusah payah dahulu tentu hasil yang diperolehi tidak mencukupi apa yang kita hajati.

Hipotisis Kajian

Dalam kajian ini, beberapa hipotisis telah cuba diutarakan oleh pengkaji, antaranya:

- 1) Masaalah pemilikan tanah adalah berkait rapat dengan kemiskinan,
- 2) Disebabkan oleh ketidaksamaan di dalam struktur pemilikan tanah maka ujudlah masaalah sosial seperti

masalah pelajaran, pekerjaan dan juga pengangguran di kalangan masyarakat luar bandar,

- 3) Kemasukan penjajah berat telah menjadikan masyarakat ke arah kapitalis dengan membuka tanah-tanah baru yang telah direstui oleh mereka.

Berdasarkan hipotisis seperti ini akan diuraikan pada bab-bab berikutnya.

1. Pengaruh penjajahan Inggeris terhadap pembentukan dan pengembangan masyarakat di kawasan bandar, kampung-kampung dan pedesaan dalam segi ekonomi dan sosial. Dalam hal ini pengaruh penjajahan Inggeris terhadap pembentukan dan pengembangan masyarakat berbanding dengan pengaruh penjajahan Belanda dan Perancis yang kurang kuat. Selain itu pengaruh penjajahan Inggeris terhadap pembentukan dan pengembangan masyarakat berbanding dengan pengaruh penjajahan Jepun yang kuat.
2. Pengaruh penjajahan Inggeris terhadap kemandirian, perdagangan, tukang batik dan pengaruh pengaruh politik dalam ekonomi dan sosial. Dalam hal ini pengaruh penjajahan Inggeris terhadap kemandirian, perdagangan, tukang batik dan pengaruh pengaruh politik dalam ekonomi dan sosial masyarakat berbanding dengan pengaruh penjajahan Belanda dan Perancis yang kurang kuat.

3. Pengaruh penjajahan Inggeris di kawasan bandar, kampung-kampung dan pedesaan. Dalam hal ini pengaruh penjajahan Inggeris terhadap pengaruh pengaruh politik dalam ekonomi dan sosial masyarakat berbanding dengan pengaruh penjajahan Belanda dan Perancis yang kurang kuat.

BAB IX

KONSEP TANI DAN ASAL-USUL KAMPUNG BECHAH KELURI

Dalam memberikan taarif masyarakat tani, tiga perkara yang telah ditekankan oleh pengkaji-pengkaji sebelum kajian ini dibuat. Perkara-perkara tersebut seperti:

- 1.1. Masyarakat tani adalah masyarakat luar bandar. Golongan pertama adalah tinggal di luar-luar bandar, mengusahakan aktiviti pertanian mereka secara tidak intensif, menggunakan tenaga manusia tidak bergantung pada teknologi moden secara keseluruhannya. Penggantungan hidup mereka adalah semata-mata pada pertanian. Dengan itu tanah merupakan faktor yang penting dalam menentukan kedudukan ekonomi mereka.
- 1.2. Masyarakat tani yang tinggal di luar-luar bandar ini mempunyai hubungan yang lebih luas di segi perjalan sosialnya, konsep keseluruhan pada mereka begitu sebatik sekali, saling mengambil berat antara satu keluarga dengan keluarga yang lain. Akan tetapi masyarakat bandar tidak sedemikian, mereka hidup secara individualistik, tidak mengambil berat langsung walaupun berjiran.
- 1.3. Terdapat perbezaan tertentu di segi kebudayaan, prestaja, kemauan berfikir ataupun juga kekuasaan politik. Masyarakat tani mempunyai kesemuanya adalah rendah darjatnya kalau dibanding dengan masyarakat bandar, pada keseluruhannya, tetapi darjat tersebut adalah tidak sebanding masyarakat primitif ataupun masyarakat tribal. Apa yang hendak dituliskan-

kan oleh pengkaji ialah keadaan masyarakat tani dalam aspek-aspek seperti di atas merupakan lebih maju daripada masyarakat primitif, tetapi proses kesodannannya tidaklah setanding dengan apa yang diperolehi oleh masyarakat bandar secara amnya.

Taarif-taarif masyarakat tani telah diuraikan oleh beberapa tokoh antropologi dan juga sociologi. A. Krober⁽¹⁾ merupakan tokoh yang pertama ahli antropologi memberikan definisi masyarakat tani di segi kebudayaan social. Beliau pernah menyebut "Peasants are definitely rural-live in relation to market towns, they, from a class segment of a larger population which usually contains also urban centers, sometimes metropolitan capitals. They constitute part society and part culture."⁽²⁾

Apa yang dimaksudkan oleh Krober sebagai "part societies dan part culture" itu ialah, kehidupan petani bergantung sebahagian besar hidup mereka pada pertanian, di samping itu alam sekitar yang mengaitkan soal-soal budaya, cara hidup mereka sehari-hari ialah, mereka hidup dalam suasana yang berlainan dari kehidupan masyarakat bandar. Mereka mempunyai budaya dan sosial yang tersendiri yang mana corak-coraknya tidak bersamaan dengan masyarakat bandar yang moden.

(1) A. Krober: Anthropology, Harcourt, Brace & World 1940.

(2) Ibid, m.s. 284.

Taarif Kroeder ini telah dipanjangkan oleh pengkaji-pengkaji berikutnya, seperti Redfield,⁽³⁾ Foster,⁽⁴⁾ Wolf,⁽⁵⁾ Firth⁽⁶⁾ dan beberapa pengkaji masyarakat yang lain. Redfield, memberikan definisi masyarakat tani dengan cara membandingkan dengan masyarakat bandar di segi kebudayaan dan juga tradisi. Seterusnya beliau menjelaskan, masyarakat tani mempunyai tradisi yang berciri khas unik, konsep tradisi dikaitkan dengan kepercayaan mereka. Sebagai misalnya percaya pada semangat padi, dengan kepercayaan ini mereka telah membentuk berbagai upacara keramahan sebagai tradisi dalam hidup mereka. Kondisi sebagaimana tidak ujud pada masyarakat bandar di mana setengah daripada mereka sudah melupai konsep kepercayaan sederhana. Secara tak langsung tradisi tidak ada pada mereka.

Dalam segi Budaya pula Redfield menegaskan bahawa masyarakat tani mengerti "budaya tua" iaitu bentuk-bentuk yang sudah "ketinggalan" pada masyarakat bandar. Apa yang dimaksudkan dengan budaya tua tersebut seperti di segi perkahwinan, masyarakat kampung (tani) masih tetap dengan cara-cara lama, adat neninang, merisik, majlis berjuni (setengah tempat) adalah penting. Cara-cara begini tidak boleh dilupu-

(3) R. Redfield: The Little Community, University of Chicago Press, 1955.

(4) G.M. Foster: Peasant Society And The Issue of Limited Good. American Anthropology, Vol. II, 1956, n.s. 293 - 315.

(5) E.R. Wolf: The Peasant Society, dalam Peasants & Peasant Society. Teodor Shanin, Penguin Education, 1971.

(6) Raymond Firth, Malay Fisherman: Their Peasant Economy. Routledge & Kegan Paul Ltd. London, 1966.

kan dalam institusi perkembinan kampung akan tetapi, berlainan sekali dengan masyarakat bandar. Cara-cara sebegitu tidak dipentingkan sangat, sekadar sah saja perkembinan itu sudah nemadri. Keadaan ini lah didapati di bandar yang dikenal dengan "kebutuaan moden". Keadaan begini, Redfield menyebut sebagai masyarakat tanah adalah inferior dan masyarakat bandar ialah superior.

Bagi Foster, beliau menekankan pada konsep klas, di mana masyarakat seluruhnya terdiri dari berbagai-bagai klas (maksud kelas di sini bukan bersamaan dengan konsep klas dalam ugama hindu). Ada yang tergolong pada klas menengah, kelas atasan dan juga klas bawahan, kelas atasan terdiri dari ahli-ahli politik yang memerintah, manakala kelas menengah ialah kelas pertengahan, terdiri dari golongan "makan gaji", peniaga tunu-tunu tanah (Land Lord), dan klas yang akhir ialah golongan bawahan terdiri dari petani. Di samping membincangkan klas, Foster juga ada menyebut bahawa keadaan tempat tinggal mereka adalah berbeza. Pihak pemerintah dan golongan pegawai tinggal di bandar-bandar ataupun di pekan. Manakala pihak petani tinggal di luar-luar bandar. Apa yang hendak beliau tekenkan di sini ialah faktor klas dan tempat tinggal yang berasingan mengambarkan seseorang itu petani ataupun tidak petani.

Seterusnya Wolf berpendapat, berhubung dengan konsep tani sebenarnya kedua-dua kelompok tadi ada kait sangait, merujuk pada sasaran Foster tentang konsep klas. Wolf mengakui bahawa ujudnya konsep "pergantungan" iaitu pihak bawahan (petani) mengantungkan hidup mereka pada golongan atasan ataupun golongan pertengahan. Pergantungan tersebut terutamanya pada aspek aktiviti ekonomi.

Wolf juga membezakan masyarakat teni dengan masyarakat primitif, dengan mengatakan petani adalah bergiat dengan aktiviti pertanian di luar bandar (rural cultivators), hasil aktiviti pertanian tersebut diserahkan pada golongan tertentu seperti tuan tanah ataupun kerajaan sebagai sewa ataupun hasil zakat (untuk orang Islam saja) manakala masyarakat primitif, mengusahakan aktiviti pertanian hanya untuk mereka saja tidak diberi pada orang lain, pada mereka tidak ujud tuan tanah ataupun konsep hasil zakat, lagi pun mereka ini mempunyai kriteria tersendiri, tidak bertempat, selalu berpindah randah.

Dalam membincangkan konsep teni, Wolf telah membentik beberapa ketagori :

1. Petani mendapat hasil pendapatan mereka secara berdasuk tanam. Keadaan ini adalah berbeza dari konsep nelayan ataupun buruh yang mana mereka-mereka ini juga dalam 'klas' yang sama. Walaupun begitu, antropologi Raymond Firth (1960) telah memasukkan nelayan ke dalam ketagori petani.
2. Tujuan utama petani dalam aktiviti pengeluaran ialah untuk kegunaan mereka sendiri (subsistence Oriented). Sangguhpun begitu ada juga yang memberi hasil pertanian mereka pada orang lain, tapi atas alasan sebagai sewa pada tanah yang telah dikerjakan. Ada juga di kalangan petani yang menjual hasil tanaman mereka pada orang lain, perlakuan begini hanyalah semata-mata untuk keperluan mereka sehari-hari. Keadaan sebegini adalah berbeza dengan tuan-tuan tanah yang menjual hasil pertanian

secara besar-besaran yang digunakan untuk mendapatkan keuntungan yang lebih yang seterusnya dijadikan sebagai modal mereka (Investable profit).

Raymond Firth lebih menitikberatkan faktor ekonomi, apabila beliau menafsirkan konsep tani itu. Menurut beliau

"peasant is a system of small producers, with a simple technology and equipment, often relying primarily for their subsistence on what they themselves produce."⁽⁷⁾

di sini adalah jelas mengandarkan beliau lebih menitikberatkan faktor ekonomi-ekonomi masyarakat tani berbanding rapat dengan tanah, seterusnya beliau menambah,

"The primary means of livelihood of the peasant is cultivation of the soil, this is not a landless labourer, but some one who has an individual or collective right to the land."⁽⁸⁾

Hubungan masyarakat tani dengan tanah adalah rapat sekali. Keadaan demikian telah dianggap yang tanah merupakan unsur de facto di dalam ekonomi masyarakat tani. Mengikut Galeski,⁽⁹⁾ pemilikan tanah begitu penting bagi petani, bukan saje tanah sebagai faktor pengeluaran yang terpenting, tapi tanah juga sebagai penentuan seseorang di dalam susun lapis hidup sesebuh masyarakat. Keadaan sedemikian adalah jelas sekali dibuktikan bahawa bagi yang bertanah banyak, maka mereka diliputiang

(7) op.cit Ms. 84.

(8) op.cit Ms. 84.

(9) E. Galeski ... Peasant and peasants societies (ed.) oleh Teodor Shanin, Penguin book, 1971.

tinggi dan mulia. Konsep kaya ujud pada golongan ini, tapi bagi golongan yang tidak bertanah mereka diberi pengertian sebaliknya.

1.4. Konsep Family Farms

Di dalam organisasi masyarakat tani, konsep family farms merupakan ciri yang terpenting, "The first fundamental characteristic of the farm economy of the peasant is that, it is a family economy. It's whole organization of its consumption demands with the number of its working hands." (10)

Apa yang hendak ditekankan berdasar pada konsep ini ialah, masyarakat tani yang membuat aktiviti-aktiviti pertanian dengan menggunakan tenaga sendiri, ataupun dengan meminta pertolongan dari tenaga keluarga sendiri. Dengan penggunaan seumpama ini sifat-sifat seperti kos perbelanjaan yang tinggi, konsep keuntungan dan lain-lain sifat yang dimiliki oleh 'kapitalist' tidak ujud pada mereka. Di mana sifat-sifat kapitalis tersebut seperti memiliki tanah yang luas, dengan pemilikan yang luas ini, mereka menerlukan tenaga kaji yang ramai, yang mana tidak didatangi dari keluarga sendiri. Sebahagian besar didatang dari tenaga jentera. Kos perbelanjaan juga diperlukan dengan banyak untuk membiayainya. Konsep untung terdapat pada golongan kapitalis kerana fungsi mereka hanyalah untuk menasarkan bahan-bahan yang dilakukannya, tetapi perbezaan dengan konsep masyarakat tani.

Secara keseluruhannya dapat dikatakan nemang ujud perbezaan antara masyarakat tani dengan masyarakat bukan petani seperti mana yang

(10) A.V. Chayanov : The Theory of peasant Economy (T.) Smith, Kerbley & Irwin, 1966, hal. 6.

telah disarankan oleh Chayanov di atas.

Konsep tanah juga dikaitkan dengan konsep kelas, mengikut Marx, petani mempunyai daya pengeluaran, mereka juga mempunyai kecenderungan-kecenderungan pengeluaran mereka tersendiri. Keadaan seperti ini adalah berbeza dengan daya pengeluaran dan juga kecenderungan yang terdapat pada kelas-kelas yang lain. Kecenderungan masyarakat tani hanyalah semata-mata untuk keperluan mereka saja hasil keluaran yang diperolehi, kerana disebabkan oleh faktor-faktor pengeluaran yang terhad dan simple, manakala pada kelas kapitalist, mereka mempunyai kecenderungan keruh perdagangan secara besar-besaran, faktor-faktor pengeluaran tidak ujud pada mereka, dengan ini dapat meneruskan tujuun mereka "ala kapitalist" tersebut. Dengan adanya kelas petani dan kelas kapitalist ini ujudlah istilah yang kaya bertambah kaya dan yang miskin bertambah miskin. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa masyarakat tani itu mempunyai kelas yang tersendiri, yang berbeza dari kelas pemerintah dan juga kelas menengah yang sebahagian besarnya terdiri dari kapitalist.

"As a millions of families live under economic conditions of existence that separate their mode of life. Their interests and their culture from those of the other classes, and put them in hostile opposition to the they from a class, a class that represents the barbarism within civilization." (11)

(11) Karl Marx & Frederick: Engels Selected Works Vol. 1, Foreign Languages publishing House, 1950, n.s. 159.

Masyarakat tani juga dibincangkan secara panjang lebar oleh Teodor Shenin.⁽¹²⁾

Secara panjang lebar, beliau mengaitkan dengan proses revolusioner. Bagi masyarakat tani seperti yang dikatakan oleh Marx adalah sebagai satu klass, kelas mereka ini dianggap penting oleh kelas pemerintah (kelas atasan). Namun, klass petani tidak berkemampuan untuk menghadapi segala bentuk tekanan yang dikenakan oleh golongan tertentu pada mereka. Kelemahan-kelemahan seperti di bidang pelajaran, perpaduan di kalangan mereka sebahagian sebabnya kenapa klass mereka tidak berjaya menentang penindasan dan kekejaman oleh pihak lain pada mereka.

Keadaan seperti ini berubah bila sifat-sifat lemah tadi diatasi. Kejayaan ini terbukti pada revolusi Rusia dan juga revolusi Perancis. Kedua-duanya melibatkan golongan petani menentang kaum kapitalist, kerana kekejaman dan tak puas hati yang mereka rasa patut dibuang.

Dengan penjelasan-penjelasan konsep tani seperti di atas, nampaknya konsep tersebut tidak lagi memberi gambaran yang sejelasnya, masih lagi mempunyai beberapa kelemahan di dalam memberi gambaran sebenar. Beberapa pendapat baru telah mengemukakan hujah-hujah mereka masing-masing tentang konsep ini. Mereka telah menekankan dua kriteria dalam memberi konsep tani, kriteria tersebut ialah di segi struktur dalaman. Pada struktur dalaman, mereka seperti Foster 1961, Fitchen

(12) Teodor Shenin: The Persanting as a Political, dalam Peasant & Peasant Society, Shenin (ed) Penguin Education, 1971.

1961, dan Horowitz (1960) telah menyebut tentang struktur sosial mereka⁽¹³⁾ iaitu petani hendaklah mereka mengkaji sama ada mereka itu bercirikan masyarakat tani ataupun bukan, konsep ekonomi yang digambarkan oleh Firth menurut beliau adalah kurang tepat dalam menghuraikan konsep tani.

Walau bagaimanapun penelitian-penelitian untuk memberikan satu definisi yang kongkrit dan tepat masih dijalankan oleh ahli-ahli antropologist. Kesusahan mencari definasi yang tepat adalah disebabkan oleh kesan modiniasi yang begitu cepat terhadap manusia itu sendiri, terutamanya buruh dalam pengerjaan tanah.⁽¹⁴⁾

Asal-Usul Kampung

i) Secara Am

Kampung Bechah Kelubi adalah mendapat jolokan dari sejenis pokok, iaitu pokok kelubi⁽¹⁵⁾ yang tumbuh di dalam Bechah.⁽¹⁶⁾ Pokok-pokok tersebut adalah tumbuh sepanjang kawasan bechah itu. Oleh kerana pokok-pokok tersebut tumbuh dengan banyak, maka kawasan ini dipanggil Bechah Kelubi.

Walaupun pokok-pokok tersebut tumbuh dengan banyak, tapi penduduk di sini tidak mempedulikan buahnya untuk dibuat pasaran, mereka

(13) Nazidah Zakaria. Definasi Masyarakat Tani – satu tinjauan dalam manusia dan masyarakat, majalah Jabatan Antropologi Sosiologi, U. Malaya, 1974, n.s., 63.

(14) Ibid, .. n.s., 65.

(15) Sejenis pokok yang mengeluarkan buah, buah-buahnya dapat dimakan setelah diperlakukan.

(16) Bechah, menunjukkan pada paya. Masyarakat setempat memanggil Bechah, tidak paya.

membiarkan begitu saja.

Keluasan kawasan becah ini hampir-hampir meliputi 2 ekar yang terletak di kaki Bukit Danau.⁽¹⁷⁾ Becaht ini juga tidak mengalami kekeringan di takongannya, dengan ini benda-benda hidup seperti ikan merupakan jenis yang terbanyak sekali bilangannya. Bagi penduduk kampung, mereka lebih berminat terhadap ikan dari buah kelubi. Mereka berusaha menangkap ikan-ikan tersebut untuk dijual pada penduduk berhampiran. Jumlah tangkapan dibuat meliputi 10 - 15 kati sehari. Mengikut seorang tua, yang pada masa dulu bertugas sebagai penghulu, Encik Mohd Jusel b. Muhammad, mengatakan kebanyakan masyarakat becah kelubi bergantung pada becah itu saja untuk mencari pendapatan.

Akan tetapi keadaan seperti ini tidak lagi ujud pada masa ini. Pokok-pokok kelubi tersebut hampir kesemuanya mati, yang tinggal hanya tungul-tungulnya saja, tetapi walaupun proses halisa ujud, air di dalamnya tidak pernah kering. Penduduk telah menggunakan air becah ini untuk mengairi sawah mereka yang mana dibuat satu tarusan yang dibiayai oleh Kerajaan. Apa yang dimaksudkan pengambilan air ini adalah khas pada tempat-tempat tinggi yang tidak mencukupi air sebagai keperluan sawah mereka walaupun musim penanaman biasa.

ii) Kedudukan Ilmu Alam Bechah Kelubi

Kampung Bechah Kelubi merupakan kampung pendalaman, terletak

(17) Bukit Danau adalah suatu tempat yang letaknya berhampiran kampung ini.

kira-kira 12 batu ke selatan Pasir Mas, dan 10 batu ke utara Tanah Merah. Kampung ini terletak 2 batu dari jalanraya yang menghubungkan Pasir Mas dan Tanah Merah. Jalan yang menjadi penghubung antara kampung dengan jalangraya adalah jalan 'Penggawa'.⁽¹⁸⁾ Orang-orang Kampung ini menggunakan jalan tersebut untuk mengeluarkan hasil mereka seperti deun tembakau, getah ataupun padi untuk diproses menjadi beras. Kedudukan jalan penghubung ini adalah penting sekali di dalam kemajuan mereka.

Sebelum wujudnya jalangraya ini, penduduk di sini menggunakan kapal yang berstesen di Sungai Kelantan, selain daripada itu mereka juga menggunakan keretapi yang berstesen di Sungai Keladi (1 batu dari Bechah Kelubi) ataupun Bukit Danau ($\frac{1}{2}$ batu dari Bechah Kelubi).

Sebenarnya sistem perhubungan yang terdapat di Bechah Kelubi boleh dikatakan kurang memuaskan walaupun sudah mencapai kemerdekaan. Bila saja musim hujan jalan-jalan jadi bendang dan bila saja komarau jalan dipenuhi debu.

Kebanyakan kawasan Bechah Kelubi adalah dipenuhi oleh lahan ladang getah, seluas 316.1 adalah terlibat dengan ladang getah sementara padi pula terlibat seluas 316.9. Ladang getah dan juga padi merupakan nadi pegerak pada masyarakat tani di sini.

Dalam perusahaan padi, Bechah Kelubi masih lagi mengamalkan padi semusim untuk setahun. Rancangan pengairan kebumi (KADA) adalah

(18) Merujuk pada jalan yang dibuat oleh orang kampung sendiri.

tidak meliputi kawasan kampung ini walaupun begitu kerana ketiadaan KADA untuk membantu membangunkan mutu pertanian. Pihak Kerajaan telah mengujudkan satu agensi pertanian di Cekoh, $\frac{1}{2}$ batu dari Bechah Kelubi. Agensi tersebut seperti Lembaga Pertubuhan Paladang (L.P.P.), Dengan penubuhan agensi Kerajaan ini sekurang-kurangnya dapat menolong para petani dalam menghadapi masaalah pertanian mereka di bendang-bendang satu trakter dikhaskan untuk kampung ini selain dari kemudahan lain seperti penjual baja secara keredik ataupun memberi nasihat pertanian pada para petani umumnya. Di antara kemudahan-kemudahan sosial lain yang sudah terdapat di sini umpamanya 4 buah kedai runcit, satu sekolah kebangsaan, 2 madrasah dan dua kelas pembangunan luar bandar. (Madrasah dan kelas pembangunan luar bandar adalah satu bangunan saja). Dengan kemudahan seperti ini dapatlah penduduk di sini menikmati kesenangan kalau dibandingkan dengan masa-masa lalu.

iii) Sejarah Awal Kampung Bechah Kelubi

Dalam tahun 1930an, hanya lebih kurang 20 buah rumah saja yang terdapat di kawasan ini. Kekurangan minat untuk menerokai kawasan ini mungkin kerang kawasan ini tidak begitu sesuai untuk dibuat tempat kediaman kerana hutan tebal dan penuh dengan paya-paya (Becah). Juga mungkin disebabkan tiada jalan yang sesuai untuk memudahkan perhubungan keluar masuk, menjadikan sebab kenapa kekurangan minat masyarakat sekeliling untuk tinggal di kampung ini. Akan tetapi disebabkan oleh perubahan sosial, ada yang disebabkan ketiadaan tanah di tempat asal untuk dibuat tapak rumah mereka. Kampung ini diterokai, keadaannya nakin bertambah dari tahun ke tahun hingga sekarang jumlahnya mencapai 300 buah rumah kesemuanya orang Melayu terdapat di kampung ini. Walau-

BAB III

SEJARAH AWAL, SECARA UMUM DI KELANTAN, SERTA PENGENALAN TANAMAN BARU DAN JUGA PENGENALAN STRUKUR PEMBAGIAN TANAH

1.1. Secara Umum

Kelantan adalah diperintah oleh seorang raja, pemerintahannya berpusat di Kota Bharu. Baginda telah memecahkan kawasan-kawasan di negeri Kelantan kepada beberapa bahagian, untuk ditadbirkan oleh wakil baginda. Pemerintah adalah berbentuk feudal, di mana golongan yang memerintah terdiri dari kalangan raja,⁽¹⁾ setidak-tidaknya orang kanan raja. Segala urusan mentadbir di jajahan-jejahan tertentu diarahkan pada mereka oleh raja di istana, tugas wakil-wakil raja ialah menungut hasil cukai tanaman, menjaga keamanan rakyat dan juga menyampaikan hasrat raja pada rakyat. Semasa ini, sikap masyarakat kampung begitu fanatik sekali terhadap penghulu sebagai pengganti raja dalam pentadbiran kampung. Mereka dianggap penting "The past Penghulu were recalled to have been liked Sultan."⁽²⁾

Penghulu mempunyai kuasa mutlak, boleh mengazah ahli kampung-nya secara percuma saja menyiapkan kerja mereka tanpa apa-apa bayaran, kerana mereka taat terhadap ketua mereka "The Penghulu had the advantages

(1) J.M. Gullick, Indigenous political system of western Malaya, London 1958.

(2) Cornelia Bailey, Broker, Mediator, Patron & Kingship, SEA, An Historical Analysis of Key Leadership Roles in Rural Malaysia District, Athenee Chico.

of control over convet labour which, although granted by the Sultan primarily for public work, was also used by individual penghulu to provide labour to work on their own land.⁽³⁾

Di segi mentadbirkan tanah rakyat dibenarkan membuka tanah seluas yang mereka mampu.⁽⁴⁾ Kebebasan bertanah tidak menghalang penduduk daripada membuka tanah-tanah baru. Di Secah Kelubi kawasan tanah dibiarkan tanpa diterokai untuk tanaman pertanian. Pada masa itu penumpuan masyarakat kampung tertumpu kepada sawah padi jadi ada yang membuka tanah sawah untuk perusahaan. Walaupun begitu banyak lagi yang tidak diterokai. Di dalam mengusahakan sawah padi, mereka tidak menggunakan perkakas moden seperti yang terdapat pada hari ini, tanaman dibiarkan hingga mengeluarkan hasil baru mereka turun semula ke bendang. Mereka adalah lebih banyak membuang masa tanpa apa-apa faedah. Perbincangan lanjut pada bahagian Perubahan sistem Pemilikan tanah (1,6).

Di segi pemilikan tanah ladang (getah) adalah hanya sedikit sekali, mereka mengusahakan tanpa secara seperti yang terdapat di hari ini. Proses mengeluarkan getah mereka dengan menakok-nakok batang getah dengan senjata, kemudian dibuat sgrap, itu saja yang dapat mereka buat. Kesusahan seperti ini mendorong mereka begiat dalam lepangan pertanian persawahan.

(3). Ibid.

(4). Temuramah dengan Cik Senih Abdul Hamid berumur 87 tahun yang menjadi sample dalam kajian ini.

Walaupun minat mereka menarik terhadap padi kalau dibanding dengan getah, harga tanah pada masa itu hanya \$30 - \$50 sekar saja. Keadaan sebegini adalah lebih berbeza dengan masa kini di segi harganya.

Secara keseluruhanya dapat dikatakan bahawa faktor politik mereka yang terdapat di kampung ini adalah ditentukan oleh pemerintah yang direstui oleh pihak pemerintah, pemilihan mereka yang bertanggung-jawab dalam mengendalikan kampung ini berdasarkan pada keturunan yang baginda suci. Kalau yang berada maka peluang untuk memegang jawatan seperti penghulu adalah lebih cerah. Pemilihan mereka tidak di dasarkan pada pencapaian pendidikan yang diterima oleh bakal pemerintah tadi.

Di segi ekonomi, masyarakat tidak lagi menggunakan sistem pertukaran secara meluas banyak dijalankan secara 'barter trade' iaitu pertukaran barang.

1.2. Kemasukan Barat

Keadaan seperti ini berubah setelah kemasukan barat. Sebenarnya di Kelantan pernah dijajah oleh kuasa lain, selain daripada Inggeris iaitu Siam. Kelantan adalah bernaung di bawah Kerajaan Siam. Sebagai balasannya pihak Kerajaan Kelantan telah menghadiahkan berupa bunga emas⁽⁵⁾ sebagai saguhati terhadap penaungan Siam tersebut. Walaupun Kerajaan Kelantan di bawah Siam, segala pentadbiran bukan bererti datang langsung dari Siam, hanya nama saja Siam yang menaung. Bersabit dengan penaungan inilah pihak Inggeris telah meminta kebenaran Siam

(5) Ismail Bakti: Bunga Emas, Malaya in History, Vol. 6, No. 1 Julai 1960, hal. 40 - 42.

untuk menduduki negeri yang dinaungannya. Kebenaran Siam terhadap kemasukan Inggeris ke sini dibenarkan pada tahun 1826. Pada tarikh inilah kemasukan Inggeris benar-benar terlibat di sini.

Mengikut pengkaji sejarah tempatan Joginder Singh⁽⁶⁾ dalam kerja beliau terhadap sejarah tanah air, ada menyebut bahawa beberapa sebab yang mendorong minat mereka terhadap Kelantan dan juga negeri-negeri dutaan yang lain antara sebab-sebab yang digambarkannya seperti-Kebimbangan Inggeris terhadap persaingan dari tentara besar yang lain seperti German, Amerika dan Perancis. Masing-masing ingin menutup dan menadah tanah-tanah baru, kalau kawasan seperti ini tidak diambil. Risa kemungkinan besar Melaka diambil oleh mereka sebagai tanah jajahan. Ini sebenarnya merugikan pihak Inggeris sendiri. Lantaran itulah ia pun diambil secara resmi pada 1826 itu.

Di segi pentadbiran Kelantan pula, adalah semata-mata menguntungkan golongan pentadbir, di mana cengkaman Siam tidak lagi dibenarnya. Ini mendorong penduduk tempatan supaya lebih tertarik dengan Inggeris. Dengan tindakan ini benar jangkaan mereka di mana pihak Sultan menyambut baik hasrat Inggeris walaupun bersyarat. Syarat yang dikenakan oleh Inggeris ialah, pihak Sultan terpaksa menyerahkan tanah seluas 3,000 ekar pada Inggeris melalui Duft. Sementara pihak Sultan hanya menyangka keuntungan baginda dengan bernaubg di bawah Inggeris ialah bebas dari cengkaman Siam.

(6) Joginder Singh. Tarikh Tanah Melayu 1400 - 1963, DDP, K. Lumpur 1973.

1.3. Pengenalan Getah

Berikut dengan kemasukan Duft (Inggeris itu ke Kelantan) tanah seluas 3,000 ekar terlepas ke tangan Duft dan kemudian tanah ini bernama The Duft Development Company yang mana berpejabat di London.

Dengan ujudnya syarikat ini didapati kejayaan yang diperolehi adalah menggalakkan "Incidentally the company was the first to plant rubber on the North Coast of Malaya. This it did successfully and was the means of including other to develop this important agricultural industry in the estate."⁽⁷⁾

Inilah detik-detik pertama yang menunjukkan sejarah perkembangan getah secara besar-besaran, setalah dibawa masuk oleh Inggeris menerusi Duft itu. Dengan kemasukan tanaman yang bercorek perdagangan seperti ini mendorong masyarakat luar bandar mengusaha perusahaan yang baru ini. Dulunya sungguhpun ada tanaman jenis ini, tapi hanya kecilan saja tidak dibuat getah biasa (kepingan). Kawasan yang menyebarkan pengaruh getah di Bechah Kelubi ialah kawasan Estate kampung Bagan suatu kampung yang terletak dekat Machang.⁽⁸⁾ Daripada kawasan inilah benih-benih dapat diperolehi oleh masyarakat sekeliling termasuk Bechah Kelubi.

Kemasukan Inggeris ke Kelantan dan seterusnya membawa tanaman ladang getah sebagai sumber pertanian, telah mengubah pendangan masyarakat Bechah Kelubi. Di mana Duft telah membawa alat-alat moden

(8) Kawasan ini dengan En. Hassan Ibrahim yang berumur 25 tahun, pernah bekerja dengan Estate tersebut sebagai buruh kasar pada masa Estate itu mula-mula dibuka.

yang tiada diperolehi sebelumnya di dalam perusahaan getah seperti mesin getah, cuka pembeku getah dan juga sistem pasaran antarabangsa getah. Faktor-faktor seperti ini telah mendorong minat masyarakat setempat untuk mengeburkan diri di arena perladangan getah.

Pihak Inggeris juga menjalankan peniagaan antarabangsa getah dengan membeli getah-getah yang dikeluarkan oleh petani tempatan harga-harga yang ditawarkan menggalakkan penanam itu sendiri ada suatu masa mencapai 200% untuk sekali getah keping.

Akibat kemasukan Inggeris juga di Kelantan, mereka telah menganak suatu cukai ke atas tanah yang dimiliki, sebenarnya dasar 'Torren', ialah untuk menentukan berapa ekarkah yang dimiliki oleh orang-orang perseorangan, dengan menjalankan dasar ini pihak Kerajaan dapat manfaikan nama-nama pemilik dan juga keluasan yang mereka milik di suatu tempat yang khas yang diberi tanggungjawab tertentu iaitu Pegawai Daerah yang menguruskan pengurusan tanah tersebut. Serentak dengan inilah pemilik-pemilik terpaksa membayar cukai pemilikan mereka mengikut keluasan yang mereka milik. Kalau yang bertanah luas, maka bayaran yang terpaksa dibayar agak banyak daripada yang bertanah sedikit.

Diantara sebab-sebab lain kerap pihak Inggeris menjalankan sistem cukai ini ialah untuk mengelakkan daripada pembukaan tanah yang berkeluasan yang dimiliki oleh orang-orang tertentu saja, kerana selepas pengenalan getah, proses pembukaan tanah baru untuk tanaman ini begitu meningkat sekali.

Akibat dari pada penjeraian cukai ini ialah, kuasa penghulu dalam pengurusan kampung dan juga status mereka agak berkurangan kerana tugas menungut cukai telah dikendalikan oleh pihak Kerajaan. Secara langsung, keadaan ini adalah berbeza daripada selepas kedatangan Inggeris dahulu.

1.4. Kemanukan Padi di Bechah Kelubi

Sejak dahulu kemasukan padi ke Kelantan adalah bermula di awal atau ke 15 lagi. Ianya adalah berasal dari Negeri Thai.⁽⁹⁾ Dengan hadatangan jenis tanaman yang baru ini maka ujudeh sawah-sawah diusahakan merata. Proses penanaman padi merupakan proses yang rumit, di mana terpaksa menempah berbagai masaalah untuk memperolehi hasilnya. Jangka masa 8 bulan adalah agak lama untuk mendapat hasilnya. Selain daripada itu proses penanaman padi merupakan beberapa peringkat. Jadual di bawah menarikkan proses penanaman padi yang terdapat di sini dan masih dikelakkannya sehingga hari ini.

Bil.	Jenis Kerja	Jangka Masa
1	Penyemaihan	Julai - August
2	Penyediaan tempat mengubah	August - September
3	Mengubah ke tempat baru	Sept. - Oktober
4	Menukul (Harvesting)	Februari - Mac

Sumber: S. Selvadurai, Socio economy in Kedatu Area,
Kementerian Pertanian M'sia, K. Lumpur

(9) Donald N. Nonimi: Population change & primitive accumulation in rural Malaysia 1930 - 1960, thesis M.A. Jab. Antropologi Stanford Universiti 1975.

Walaupun mereka mengerjakan sawah secara kerja tetap, tapi telah pun dinyatakan tadi, mereka hanya menggunakan tenaga 4 kerak mereka ataupun tenaga binatang, iaitu dengan tenaga yang tidak dengan pertolongan jentera untuk mengerjakan sawah mereka. Keadaan seperti ini berlanjutan hingga tahun 1967, di mana pertusahaan taliair Kembo berjalan dengan lancar maka jentera-jentera telah dibawa masuk untuk mengerjakan tanah yang luas itu. Di sini juga tidak ketinggalan dalam penglibatan jentera terhadap pertanian mereka. Sungguhpun demikian, pada peringkat pertama hanya jentera yang kecil saja diperkenalkan iaitu jenis Ssili. Mereka yang menggunakan jenis ini hanya yang mampu-naspi saja, kerana panyewaannya agak mahal, iaitu \$12.00 untuk satu jam. Serentak dengan itu juga beja-baja penyubur padi diperkenalkan kepada rakyat tempatan, dengan pengaruh ini membolehkan mereka dapat menghasilkan dengan jumlah yang banyak, di luar anggaran mereka.

Jumlah hasil padi ini merupakan pendapatan mereka. Bagi kampung ini hasil begini tidak dijual terus pada pemborong separtimena yang terdapat di sekitar perairan Kembo, di mana petani di kawasan perairan di sana menjual terus hasil pendapatan mereka pada pemborong-pemborong. Bagi petani di sini, pendapatan yang dikira lebih daripada keperluan mereka akan disimpan untuk digunakan pada masa kecemasan seperti banjir dan juga bila padi di musim hadapan tidak menjadi.

Penggunaan traktor secara menyeluruh di kampung ini adalah pada tahun 1968, iaitu semasa ini traktor digunakan untuk menenggala tanah untuk tapak tanaman tembakau. Berikutnya dengan tanaman dan juga kemajuan yang dibawa oleh Inggeris turutamanya tanaman tembakau, telah

mendorong penduduk di luar sekitar kampung ini seperti "Chetoh membeli traktor tersebut untuk berkhidmat pada penduduk berdekatan.

Apa yang penting dibakarktan di sini merupakan traktor untuk digunakan oleh penduduk tempatan adalah disebabkan oleh penanaman tembakau yang dibawa oleh Inggeris ke sini pada tahun 1968.

Kerja-kerja penyediaan tanah untuk pertanian adalah bergantung pada alat-alat tradisional yang tidak saintifik "Land preparation is almost excluding by animal power, and using either a single buffle or a pair of oxen." (10)

2.5. Pengenalan tanaman tembakau di Bechah Kelubi

Bechah Kelubi merupakan kawasan yang bertanah garut. Ini adalah sangat bersesuaian dengan tanaman tembakau. Sebenarnya, tanaman tembakau merupakan tanaman sambilan untuk penduduk di sini sambil menanti musim padi yang akan datang dan menenuhi masa petang yang lapang setelah menzeh getah di sebelah pagi. Bagi setengah keluarga yang mempunyai tenaga kerja yang ramai, tembakau ditanam sempai setengah ekar sebanyak 6,000 pokok, begitu juga yang tidak punya tenaga kerja hanya 1,00 pokok saja. Walau bagaimanapun dengan penanaman tembakau ini boleh mengubah struktur kedudukan ekonomi mereka sehari-hari.

Mengikut sejarah penanaman tembakau, ianya adalah diperkenalkan pada tahun 1968, di kampung ini. Tapi ianya tidak dibawa turus

(10) Salvadurai: Socio-economic Study of padi farm in Kemubu Area of Kelantan, Kementerian Pertanian & Syarikat Kerjasama Malaysia K. Lumpur. 1968

ke sini. Ianya dibuat percubaan penanaman di Semip~-⁽¹¹⁾ Kerana perusahaan ini sangat sesuai dengan kawasan tanah di sini maka pihak yang berkenaan telah meluaskan skim penanaman hingga ke sini yang berpejabat di Golok. Penubuhan perusahaan ini dikenali sebagai M.T.C. (Malayan Tobacco Company). Syarikat ini adalah bertanggungjawab dalam hal membeli daun-daun tembakau, memberi nasihat pada penanam dan juga memproses daun basah supaya menjadi daun 'asap'.

Penanaman tembakau adalah sangat digemari ramai, kerana ia hanya memberi hasil yang lumayan, harga sekati ialah 37c di mana secara kasarnya penanam boleh memperolehi keuntungan sebanyak \$2,500 untuk satu musim bagi 1 ekar atau 5,000 untuk 2 musim⁽¹²⁾ setahun. Pembelian tembakau adalah mengikut grade-grade tertentu yang terendah ialah 10c dan yang tertinggi hanya 30c, iaitu samasa Inggeris (M.T.C.) dahulu. Oleh kerana tiada badan yang khusus untuk mengawasi sistem penghargaan yang tetap, maka harga selalu tidak tetap. Dengan ini mendukacitakan pada penanam, tapi mereka telah diikat dengan perjanjian melalui kredit baja, racun dan juga alat keperluan penyemaian. Maka secara tak langsung terpaksa juga memasarkan bahan keluaran mereka pada M.T.C. Kalau gagal berbuat demikian, maka nama mereka akan dipotong dalam senarai nama-nama penanam untuk musim yang akan datang. Ini merupakan hukuman pada penanam itu sendiri.

(11) Suatu tempat yang terletak 5 batu utara dari Pasir Mas.

(12) Menjual tembakau masa penanam terbuka selama 3½ bulan untuk semusim.

Beberapa kemudian pihak syarikat telah menjual syarikat tersebut pada pihak swasta yang kemudiannya diberi nama Perbadanan Kemajuan Pertanian Sdn. Berhad. Dengan itu banyaklah syarikat tembakau lain tumbuh. Kaitan dengan itu pula harga-harga juga dinaikkan menjadi 37c untuk sekaki. Semasa M.T.C. menjalankan perniagaan mereka di Golok, kawasan yang terlibat seperti Chekoh, Golok, Kubang Gendang, Bukit Panau dan Bechah Kalubi adalah tertumpu ke sana. Tapi setelah perbadanan ini ujud, maka banyaklah syarikat tumbuh, di Chekoh saja 3 syarikat dibentuk misalnya Syarikat Tembakau Chekoh, Syarikat tembakau Pasir Mas dan Syarikat tembakau Sinar Murai selain daripada di Golok. Begi di Bukit Panau pula ada dua syarikat iaitu Syarikat tembakau Bukit Panau, dan Syarikat tembakau T. Merah. Penubuhan syarikat-syarikat ini adalah daya usaha ahli-ahli peniaga tempatan dan juga golongan aristokrasi.

Perusahaan tembakau juga memerlukan masa penjagaan yang rapi. Semasa di tapak semai ianya perlu diairkan sekurang-kurangnya 3 kali sehari. Kalau ada gangguan ulat, maka perlu diracun. Semasa di atas batas semai ianya memakan masa selama 1 bulan selepas itu ianya disemai pada kerek, di sini tidak diletak pada panas matahari. di sini juga perlu penjagaan rapi selama 3 minggu. Selepas itu barulah dicampur ke ladang. Penjaga di ladang merupakan teruk juga, ianya perlu digembor tanah sekurangnya 3 kali selama 3 bulan (semusim) sebelum ianya dipungut hasilnya.

Walau bagaimanapun, perusahaan tembakau merupakan idea yang dibawa dari luar adalah menguntungkan masyarakat tempatan. Kemasukanya telah mengubah ekonomi masyarakat tempatan dengan perbelian motosikal, rumah-rumah baru ataupun sebagainya kemudahan lain, namun dapat juga

pergi ke Mekah dengan usaha penanaman tembakau setidak-tidaknya mereka mampu membaiki rumah yang sudah usang untuk kemudahan harian mereka kalau pun yang lain tak dapat dicapai. Kesimpulannya penanam tembakau membawa idea baru pada penanam di kampung ini.

1.6. Perubahan sistem pemilikan tanah

Di sini dibincangkan akan perubahan sistem pemilikan tanah yang diakibatkan oleh kemasukan penjajah (kolonial Inggeris) semasa mereka belum menduduki di sini dulu. Sistem tradisional diamalkan di mana tanah-tanah adalah dimiliki oleh raja-raja dan juga sultan-sultan termasuk kuncu-kuncunya. Ada juga segelintir penghulu pada peringkat kampung. Pihak orang kebanyakan ataupun petani hanya mengerjakan tanah itu saja, hasilnya mestilah diserah pada tuan tanah tapi seperti sultan, raja dan juga penghulu yang dianggap sebagai cukai. Biasanya cukai ini sebanyak 1/10 daripada hasil yang diperolehi. Petani juga hendaklah memberi tenaga kerja mereka kalau dikehendaki apabila dikehendaki berbuat demikian. Keadaan seperti ini adalah ujud di sini pada awal abad ke 16 dan akhir abad ke 17, begitu kuat sekali.

Walau bagaimanapun pihak petani dapat juga memiliki tanah secara pemberian surat kuasa atau 'grant' (Chap) yang dikeluarkan oleh pihak Sultan.⁽¹³⁾ Akan tetapi setelah kemasukan Inggeris pada 1909 itu, secara tak langsung telah membuat beberapa pindaan terhadap sistem pemilik tanah. Umpamanya bila orang yang hendak membuat kerja ke atas sesuatu tanah itu, mestilah membuat surat kebenaran dari pihak Kerajaan

(13) Lihat L.R. Robert: K'tan 1890 - 1939 Government in traditional thesis M.A., U. Malaya 1973.

untuk memilikinya. Pindaan tersebut dibuat pada tahun 1917. Di sini, petani-petani mestilah mendaftarkan (setelah diberi kebenaran) pemilikan masing-masing di pejabat-pejabat tanah ataupun di pejabat Daerah. Kemudian ditetapkan cukai yang harus dibayar kelak, tidak lagi berbentuk barangang seperti di masa-masa yang lepas.

Tentang pembahagian cukai adalah didasarkan pada kesifuren tanah, juga bergantung pada kedudukan tanah, sama ada di kawasan bandar ataupun di luar bandar. Penetapan cukai adalah menurut ketegori-ketegori seperti berikut:-

1. Kelas satu di bandar cukainya £1 - 1.20c sekar.
2. Kelas kedua, pinggir bandar cukai 80c sekar.
3. Kelas ketiga, luar bandar yang bertanah subur cukai 60c sekar.
4. Kelas keempat, luar bandar cukai 40c sekar.

Sebah Kelubi adalah terdiri di kelas keempat, iaitu kawasan luar bandar.

Pada asasnya, kemunculan perundangan yang dipersetujui oleh pihak penjajah yang berkait dengan sistem pemilikan tanah ini semata-mata untuk kepentingan penjajah dan menghapuskan sistem penghimpunan di kalangan rakyat tani, begitu juga sistem tradisional yang mereka anggap dapat menyekat kemajuan mereka untuk melabur sebanyak mungkin. Setara dengan itu, sistem pemilih raja secara tradisional telah dinasukkan pada tahun 1910.

Di dalam pembahagian tanah ini, ternyata pihak tertentu saja yang terlibat, tidak pada golongan petani, golongan tertentu itu umumnya orang yang berpenjuruh seperti penghulu, imam dan juga ahli perniagaan yang berpeluang mendapat tanah yang lebih daripada pihak pemerintah.

Secara kesimpulan dapatlah dikatakan bahwa akibat kemasukan penjajah Inggeris telah mengubah segala bentuk kehidupan masyarakat petani terutama teknologi, struktur pemilikan, politik dan ekonomi mereka sendiri.

Selanjutnya secara lebih mendalam lagi akan dibincangkan siapakah yang memiliki tanah yang luas di Bechah Kelubi pada bab-bab yang akan datang. Dan kerap ujudnya keadaan sedemikian.

Di dalam proses pemecahan ladang, tanah-tanah ladang yang dimiliki oleh Inggeris bertukar tangan kepada pedagang-pedagang tempatan yang kaya, namun petani terus mempunyai bidang tanah yang kecil yang akan dibincangkan juga di bab seterusnya.

BAB IV

STRUKTUR PEMILIKAN TANAH DI BECHAH KELUBI PADA MASA KINI DAN BEBERAPA KAJIAN KES

Bechah Kelubi merupakan kawasan pertanian, seperti yang dinyatakan pada bab 2. Keluasannya adalah meliputi 316,9 ekar.⁽¹⁾ Dilihat pada keluasan yang sebanyak ini, hitung panjang di antara kesemua 50 keluarga itu, maka tiap-tiap keluarga harus memiliki seluas 6,33 ekar, tapi apa sebenarnya ujud ialah penilitan seperti ini tidak sama, ketidak-samaan antara keluarga-keluarga di sini adalah sangat ketara sekali. Di mana ada setengah daripada mereka memiliki tidak sampai ketaraf sekar sekeluarga, dan ada juga yang tidak mempunyai tanah langsung untuk dimiliki. Tapi ada juga sebaliknya ujud di sini, iaitu setengah daripada mereka itu memiliki lebih dari 5 ekar hingga 10 ekar. Itulah apa yang dimaksudkan ketidak-samaan di segi penilitian oleh para petani di sini.

Pada asanya, keseluruhan keluarga yang dikaji terdapat golongan yang bertaraf 'kecukupan tanah',⁽²⁾ tapi golongan ini merupakan nisbah yang kecil kalau dibandingkan dengan petani yang menganggap diri masing-masing tidak cukup tanah sebagai tujuan pengeluaran. Dengan ujudnya konsep-konsep seperti ini timbul pula di antara mereka beberapa kategori,

(1) Angka ini dihitung dari soalan-soalan soal-salidik yang dibuat oleh pengkaji kepada 50 house-hold, 101,1 ekar daripada jumlahnya adalah dimiliki oleh pemilik di luar daripada kampung ini.

(2) Istilah ini merujuk pada keperluan tanah untuk diusahakan adalah cukup, tidak bergantung pada orang lain.

umpamanya:

1. Golongan Bertanah Sendiri yang menganggap sudah mencukupi untuk keperluan mereka.
2. Golongan Bertanah Sendiri tapi belum lagi mencukupi tanah untuk keperluan, dengan ini terpaksa menyewa dari petani atau pun orang-orang lain.
3. Golongan yang tidak langsung memiliki tanah untuk keperluan mereka, dengan demikian terpaksa memiliki tanah dari orang-orang lain atau pun petani lain sebagai diusaha oleh mereka untuk keperluan mereka.
4. Tuan-tuan tanah, yang mana tanahnya diberikan pada orang lain untuk diusahakan.

Untuk menganalisa struktur pemilikan tanah secara lebih detail maka dipecahkan kepada beberapa bahagian yang kecil, umpamanya

1. Struktur pemilikan tanah bendang di kalangan masyarakat tani di Bechah Kelubi.
2. Struktur pemilikan tanah ladang getah dan yang ketiga,
3. Struktur pemilikan tanah ladang tembakau.

Bahagian pemilikan tanah ladang getah dan juga tanah bendang merupakan penerhatian penyaji secara khusus, manakala pemilikan tanah ladang tembakau hanyalah sepintas lalu saja, ini disebabkan pemilikannya adalah tidak tetap, kerana ia menggunakan pada kawasan bendang.

1) Struktur Pemilikan Tanah Bendang di kalangan Masyarakat Tani di Bechah Kelubi.

Struktur pemilikan tanah bendang di kalangan petani Bechah

Kelubi adalah tidak serata keluasan yang terlibat seluas 146.9.⁽³⁾

Seportimana yang telah dinyatakan di atas tadi, ianya menyatai tiga kategori yang besar, gambaran selanjutnya akan dinyatakan dalam gambar rajah di bawah.

Jadual 1

Struktur pemilikan tanah berdasarkan keluasan masyarakat

Tanah Bechah Kelubi, sample yang diambil seramai 50 keluarga

Jenis Pemilikan	Bil. Keluarga Petani	%	Bil. Lekar	Bil. %
Bertanah Sendiri (a)	24	48	98.9	67.3
Menyewa Sebahagian (b)	16	32	48.0	32.7
Menyewa Sepenuhnya (c)	10	20	-	-
Jumlah :	50	100%	145.9	100%

Dari data di atas menggambarkan yang bertanah sendiri adalah begitu ramai dibanding dengan golongan-golongan lain, 24 daripada keluarga yang bertanah sendiri merupakan jumlah yang cukup untuk dikatakan sebahagian besar penduduk di sini memiliki tanah sendiri. Ianya mencapai

(3) Bil. 24 keluarga itu adalah tergolong pada bil. tuan-tuan tanah.

- a) Bertanah sendiri menunjuk pada petani yang mempunyai tanah yang cukup untuk diuruskan sendiri.
- b) Menyewa sebahagian, menunjuk pada petani yang menyewa tanah dari orang lain, sungguhpun ianya bertanah sendiri.
- c) Menyewa sepenuhnya, bererti menyewa dari orang lain kesemu tanah yang diuruskan kerana tidak bertanah.
 - i) Banyak dari interview seramai 50 house-hold.

peratus ke 48%, sementara golongan yang kedua namanya ialah yang menyewa sebahagian, di sini suatu gambaran yang jelas menunjukkan 32% daripada yang dikaji adalah masih bergantung pada orang lain, beberapa sebab yang menjadikan mereka berbuat demikian. Sebab-sebab itu akan dibincangkan pada bahagian seterusnya. Mereka akan menyewa dari golongan yang mempunyai tanah yang luas, ataupun yang masih tek mampu mengerjakan tanah mereka, usahamnya dari golongan pertama.

Pada golongan ketiga, iaitu yang menyewa sepenuhnya terdiri dari 10 keluarga, mereka ini tidak mempunyai tanah langsung, pergunungan hidup mereka adalah terletak pada golongan pertama tadi.

Pada kesimpulannya dapat diperkatakan yang bilangan yang mempunyai tanah dan memiliki tanah adalah bilangan yang terbanyak di kampung ini (48%), berbanding dengan yang tiada langsung memiliki hanya seramai 10 keluarga (20%) di sini juga terlibat behawa penilikan sebagaimana di kalangan ahli-ahli masyarakat tanah di sini merupakan mustahil ujud, walaupun gambaran hitung panjangnya ujud. Untuk lebih lanjut lagi, gambaran jadual dua di bawah menunjukkan keluasan tanah yang dimiliki oleh para petani.

Rajah II

Saiz tanah bendang yang dimiliki oleh petani

Sechah Kelubi

Saiz Keluasan dalam ekar	Bil. Pemilik	%
0	10	20
0.25 ~ 0.99	16	32
1 ~ 1.99	15	30
2 ~ 2.99	4	8
3 ~ 3.99	3	6
4 ~ 4.99	5	10
5 ~ 7.99	-	-
8 ~ 10.99	-	-
11 ~ 14.99	1	2
15	-	-
	50	100%

Jadual 2 menunjukkan golongan yang mempunyai tanah seluas antara 0.25 ~ 0.99 seramai 16 keluarga. Jumlah ini adalah yang terbesar dibanding dengan kategori golongan-golongan lain, yang memiliki antara 1 hingga 1.99 ekar adalah seramai 15 keluarga, golongan ini adalah kedua besarnya daripada golongan-golongan yang lain, sementara yang tidak bertanah langsung adalah seramai 10 keluarga (20%), yang memiliki 2 ekar hingga 2.99, 4 keluarga. 3 ekar hingga 3.99, sebanyak 3 keluarga, dan antara 4 ekar hingga 4.99 seramai 5 keluarga, keluasan antara 5 hingga 10.99 ekar tiada siapa pun yang memiliki, kecuali keluasan antara

11 hingga 11.99 ekar seramai 1 keluarga. Sebenarnya keluarga ini merupakan bukan petani, beliau merupakan tuan tanah yang mana membiarkan tanah kepunyaannya diusahakan oleh orang lain secara sistem pawoi.

Dari Jadual 2 di atas apa yang dapat dibuat kesimpulan ialah, bilangan yang kurang daripada memiliki tanah seluas 2 ekar adalah yang tercuri sekali, semantara yang miliki melebihi daripada keluasan itu adalah seukin menurun. Satu keputusan yang dapat dibuat ialah, kemungkinan mereka-mereka yang memiliki sejumlah tanah ini terpaksa dibahagikan kepada anak-anak mereka, walaupun pada dasarnya mereka belum lagi mempunyai tanah yang luas, akan tetapi terpaksa dibahagi kepada adik-adik mereka. Hal ini dibincangkan lebih luas dalam bah 6 (pendidikan di segi jantina).

Jadual 2 juga menerangkan bilangan petani yang memiliki tanah, tetapi tidak menerangkan pemilik yang menyewa. Kajian yang pernah dilakukan S. Selvadurai⁽⁴⁾ menunjukkan bahwa petani-petani hanya memiliki tanah sendiri tidak luas daripada 1.99 ekar saja secara hitung panjang, dengan itu untuk keperluan mereka akan menyewa sehingga hitung panjangnya 2.4 ekar sekeluarga. Jadual 3 menerangkan keluasan tanah benda yang disewa di kalangan petani seramai 50 keluarga yang dikaji. Keluasan ini juga menunjukkan bilangan penyewa tidak tetap, di mana yang mempunyai tanah sempit terpaksa bergantung pada yang bertanah lebih.

Keluasan tanah yang disewa adalah tidak terhad, ini bergantung pada kesampuan keluarga itu, sama ada iaanya mampu untuk menguruskan tanah seluas itu ataupun tidak biasanya kadar penyewaan adalah bergantung pada

(4) S. Selvadurai. op. cit ...ms. 48.

kebesaran keluarga masing-masing.

Jadual 3

Keluasan tanah bendang yang disewa oleh masyarakat
tani Bechah Kelubi

Saiz Tanah Yang Disewa	Bil. Penyewa	%
0 ekar	24	48
0.25	-	-
0.5 - 0.99	8	16
1 - 1.99	15	30
2 - 2.99	-	-
3 - 3.99	1	2
4 - 4.99	1	2
5 - 7.99	-	-
8 - 9.99	1	2
10 - 14.99	-	-
15 ekar	-	-
Jumlah :	50	100

Jadual 3 datar menunjukkan golongan yang menyewa antara 1 - 1.99 ekar adalah teramai sekali bilangannya iaitu seramai 15 keluarga (30%), sementara keluasan antara 0.5 - 0.99 adalah seramai 8 keluarga. Keluasan-keluasan antara lingkongan 3 - 3.99, 4 - 4.99, 8 - 9.99, masing-masing mempunyai satu keluarga, di antara beberapa kesimpulan yang dapat dibuat adalah seperti berikut:-

- 1) Mereka-mereka yang menyewa antara keluasan 0.5 hingga 1.99 ekar merupakan golongan teramai kerana mereka memerlukan keluasan yang cukup sedikit kerana ada, semestinya untuk mencukupi keperluan mereka sehari-hari, mereka tidak mampu mengusahakan tanah yang lebih luas daripada itu kerana mereka juga mestilah mengerjakan tanah mereka sendiri.
- 2) Golongan yang menyewa keluasan antara 3 hingga 3.99 dan 4 ~ 4.99, masing-masing satu keluarga adalah disebabkan kesanggupan mereka mengerjakan tanah seorang, ini adalah kerana keluarga mereka besar dan mampu mengerjakan tanah seorang seluas itu.
- 3) Satu keluarga yang mampu menyewa tanah seorang seluas 8 ~ 9.99 ekar, adalah disebabkan keluarga itu besar, untuk memenuhi keperluan mereka, terpaksa menyewa tanah yang luas, di samping mempunyai tenaga kerja yang banyak.

Dengan yang demikian adalah jelas pada kita bahwa kecenderungan masyarakat tanah di sini hanyalah sanggup berusaha untuk secukup hidup saja, tidak mahu mengusahakan lebih daripada itu, kalau menyewa hanya antara 0.5 hingga 1.99 ekar saja. Walaupun bagaimanapun, adalah dapat dikatakan secara umumnya berdasarkan jadual 2 dan tiga di atas yang masyarakat tanah itu dapat dipecahkan pada beberapa kategori iaitu-

- 1.1. Pemilik tanpa menyewa.
- 1.2. Pemilik penyewa.
- 1.3. Penyewa tanpa pemilik.

Ketiga-tiga klasifikasi ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam lagi, di mana masing-masing mempunyai ciri-ciri yang berbeza, di segi struktur dan juga fungsinya.

1.1. Pemilik tanah menyewa

Apa yang tergambar pada kita, merujuk pada jadual 3 di atas ialah tanah yang disewa kebanyakannya adalah seluas kurang daripada 2 hektar, kebanyakannya tidak sehu menyewa dari orang lain, di mana mereka yang tak menyewa dari sumber-sumber lain seronai 24 keluarga (4%). Berdasarkan perhatian pengkaji golongan ini boleh lagi dipecahkan kepada bahagian yang lebih kecil iaitu:-

- Pemilik tanah bendang yang bukan terdiri dari golongan petani.
- Pemilik tanah bendang yang sebenarnya terdiri dari petani di mana mereka mengerjakan tanah bendang mereka sendiri.
- Sementara jenis ketiga ialah mereka yang terdiri dari petani ~~miliki~~ tanah bendang, komodien diberikan pada petani lain untuk mengurahkannya.

Ketiga-tiga jenis pemilik ini adalah dikenali sebagai pemilik tanpa menyewa.

a) Pemilik tanah bendang yang bukan dari golongan petani

Golongan ini biasanya terdiri dari mereka yang mempunyai ekonomi teguh, terdiri dari pegawai Kerajaan, peniaga-peniaga ataupun yang sudah sedia menjadi tuan-tuan tanah sejak asal lagi. Mereka ini mempunyai kuasa terhadap petani yang mengerjakan tanah mereka, mereka

tidak mengerjakan sendiri tanah mereka hasil yang mereka perolehi secara 'bahagi 2' iaitu sistem pawah, penyewa-penyewa mereka mempunyai masaalah berasingan bila mengerjakan sawah tadi. Masaalah penyediaan dan proses-proses persawahan adalah tanggungjawab penyewa sendiri, pemilik hanya menerima hasil bila musim menuai kelak.

Ciri-ciri begini adalah dikenali sebagai tuan tanah tidak (absentee Landlords). Gambaran jadual 4 adalah secara lengkap bilangan yang terdapat tuan-tuan tanah tidak di sini adalah dijelaskan berdasarkan kajian dibuat.

Jadual 4

Bilangan tuan tanah tidak serta keluasan yang dicunyai mereka

Keluasan Tanah	Jenis Pekerjaan	Bil.	%
3 - 9.99	Pegawai Kerajaan	1	33.3
3 - 3.99	Peniaga runcit	1	33.3
4 - 4.99	Peniaga runcit	1	33.3
Jumlah :		3	99.9

Dengan ini menggambarkan yang tuan-tuan tanah di sini hanyalah 3 orang saja daripada 24 pemilik yang tanpa menyewa. Ketiga-tiga tuan tanah ini memberikan tanah kepunyaannya untuk disewa pada petani sebaik yang memerlukan. Kes study satu menunjukkan yang petani terpaksa bergantung pada tuan-tuan tanah jenis ini.

Kes Study I

Satu keluarga yang mempunyai tanah seluas 8.5 ekar, suami adalah sebagai pegawai Kerajaan, sementara isterinya sebagai house wife, mereka mempunyai anak seorang 4 orang. Oleh kerana kesibukan kerja suatu pegawai tersebut tidak sempat untuk mengerjakan sawah yang dimilikinya, dengan itu tanah tersebut terpaksa diserahkan pada petani lain yang sanggup mengerjakan sawahnya berdasarkan sistem pasah.

Berdasarkan kejadian Kas I menunjukkan bahawa tuan-tuan tanah tidak adalah ujud disebabkan oleh tidak sempat bekerja di tanah sendiri.

b) Pemilikan tanah benda yang mencariakan tanah mereka sendiri.

Kumpulan ini adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap tanah yang mereka miliki. Mereka ini tidaklah perlu lagi menyewa dari mana-mana sumber sebagai pengeluaran mereka, hanya cukup dengan yang sedikit ada, tenaga yang digunakan adalah dari pertolongan keluarga sendiri, atau pun dari orang ramai secara gotong royong.

Perusahaan seperti ini hanyalah untuk keperluan mereka saja, kalau ada lajuhan hanyalah dianggap sebagai mencukupi keperluan mereka. Di sini tidak tiada konsep berniaga ataupun menjual hasil pengeluaran mereka.

Dalam konteks masyarakat memiliki dan mengerjakan sendiri tanah mereka, unit keluaran mempunyai fungsi 'bebas'⁽⁵⁾ iaitu tidak bergantung pada orang lain, tidak seperti yang menyewa iaitu terpaksa

(5) Bebas merujuk pada mengikut kehendak dan kesuuan sendiri.

mengikut kehendak tuan tanah. Sementara yang terpaksa ditanggung oleh mereka ialah segala kos perbelanjaan dalam menyelenggarakan sawah tersebut, akan tetapi hasil yang diperolehi nanti adalah bersih tanpa dibahagi dua.

c) Penilitian tanah berasang dari golongan petani, kemudian diberikan sewa pada orang lain.

Kumpulan ini merupakan petani yang mempunyai tanah berasang akan tetapi tidak mengusahakan sendiri sebagai hasil pengeluaran, mereka memerlukan tanah itu kepada petani lain untuk diusahakan. Golongan ini terpaksa menyewakan sebahagian ataupun sepenuhnya pada petani lain, ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor tertentu. Usapanyas-

- i.) Faktor kesihatan yang tidak mengizinkan bebas bekerja di sawah.
- ii.) Kluasan terlalu sempit tidak mendorong pemilik mengerjakan tanah tersebut.
- iii.) Kedudukan tanah jauh dari kampung mereka, maka pengurusan diserahkan pada orang yang berdekatan dengan tanah tersebut.

i) Faktor-faktor mempengaruhi petani beri sewa tanah pada orang lain.

a) Faktor kesihatan tidak membenarkan mereka bekerja sendiri.

Ada di antara masyarakat tani di sini yang dianggap sudah berumur (keterangan lanjut dalam bab 7), di mana dengan usia yang sebegini adalah tidak lagi mampu bekerja di sawah yang memerlukan tenaga yang banyak, dengan demikian pengurusan terpaksa diserahkan pada orang lain untuk mengerjakannya, untuk panganalisaen yang lebih ringkas Kajian Kes Study II menunjukkan gambaran sedemikian.

Kajian Kes II (Kajian salah sebuah keluarga dari 50 keluarga)

Sebuah keluarga mempunyai 3 orang anak, kesemua anak-anak mereka telah pun bersuami dan telah meninggalkan kampung mengikut suami masing-masing. Si suami telah berusia 62 tahun, manakala isterinya berusia 65 tahun berasaskan usia yang tinggi pada suami, manakala si isteri selalu saja diserang penyakit lumpuh, menyebabkan tanah mereka seluas 3 ekar dicerahkan pada orang lain untuk dikerjakan secara sistem pauch.

b) Keluasan tanah yang terlalu sempit tidak mendorong mengerjakan sendiri

Gelongan ini memiliki tanah yang tidak sampai pun seluas 0.5 ekar, kadang-kadang hampir sampai 0.25 ekar. Berdasarkan angka-angka yang sebegini kecil, maka minat mereka untuk mengerjakannya sendiri terhadap tanah adalah sangat tipis. Satu jalan yang selalu mereka ambil ialah memberikan tanah itu kepada petani lain untuk diusahakan secara pauch, sementara pemilik sendiri mencari kerja lain yang dianggap lebih menguntungkan daripada bekerja di sawah seluas itu. Kajian Kes III menunjukkan gambaran sebegini.

Kajian Kes III (Berdasarkan pada 1 keluarga daripada 50 yang dikaji)

Sebuah keluarga yang mempunyai 5 orang ahli, tiga dari ahli ini merupakan anak lelaki mereka, ketua rumah sudah berusia 48 tahun, manakala 3 anak-anak mereka berusia 15 - 22 tahun. Mereka mempunyai tanah bengang seluas 0.5 ekar, tanpa memiliki tanah ladang ataupun sumpamanya. Ketua keluarga terpaksa memberikan tanah tersebut pada petani lain untuk diusahakan secara pauch kerana dianggap tidak menguntungkan, manakala ketua keluarga sendiri satu anaknya mengantau

ke Singapura mencari kerja yang dianggap lebih menguntungkan daripada bekerja di sana.

Dalam sini apa yang dapat digantarkan ialah ketika kesempitan tanah yang mereka miliki, menyebabkan terserah pada orang lain untuk diusahakan, kemudian pemilik mengantungkan diri dengan kerja-kerja lain yang dianggap lebih menjamin mereka.

c) Kedudukan tanah bangunan terlalu jauh daripada tempat tinggal mereka

Bagi setengah-setengah keluarga kedudukan tempat tinggal dengan tanah yang dimiliki adalah jauh, kerumitan untuk berulang-alik ke tanah adalah menyulitkan. Dengan itu mereka menganggap adalah lebih baik tanah tersebut diserahkan pada petani yang berdekatan dengan tempat tanah tadi untuk diusahakan secara penuh, Kajian Kes ke IV menunjukkan gambaran sebenarnya.

Kajian Kes IV

Sebuah keluarga yang mempunyai 4 anggota keluarga, ketua keluarga adalah berusia 42 tahun, sementara isterinya berusia 38 tahun. Mereka mempunyai anak yang berusia antara 8 hingga 19 tahun, tanah yang dipunyai seluas 3 ekar, kedudukan tanah tersebut hampir $3\frac{1}{2}$ batu. Dengan kedudukan ini melemahkan kehendak mereka untuk mengusahakan sendiri. Untuk kepentingan mereka adalah lebih baik diserahkan pada petani yang berdekatan dengan tanah tersebut mengerjakan secara penuh. Mereka merasai adalah lebih beruntung mestuat kerja yang telah sedia ada di rumah seperti menoreh getah dan sebagainya.

Dengan sebab-sebab di ataslah menyebabkan petani-petani terpaksa menjadi tuan tanah, walaupun mereka mahu mengusahakan tanah mereka akan tetapi disebabkan faktor itu menjadikan tanah tersebut pada orang lain untuk diusaha secara paham.

1.2. Penilik dan Penyewa

Di Bechah Kelubi terdapat sejumlah 40 keluarga petani daripada 50 keluarga yang dikaji adalah memiliki tanah sendiri, 16 keluarga daripada 40 keluarga⁽⁶⁾ adalah terdiri dari penilik dan penyewa. Mereka-mereka ini terpaksa menyewa dari orang lain untuk keperluan mereka, kerana penilitian mereka tiada mencukupi untuk mereka. Kebanyakannya daripada mereka mampu menyewa tanah orang lain seluas antara 0.5 hingga 1.99 ekar seramai 23 keluarga. Sementara yang menyewa antara 3 hingga 4.99 hanya 2 keluarga saja. Ini menunjukkan mereka mampu mengorjaskan hanya seluas antara 0.5 hingga 1.99 ekar saja untuk setiap keluarga di samping tanah sendiri.

Apa yang dapat diketahui di sini ialah petani terpaksa membahagi 2 kerja dalam satu masa, iaitu kerja di tanah sendiri dan bekerja di tanah sewaan. Walaupun bagaimanapun, minat untuk bekerja di tanah sendiri adalah lebih dibanding dengan tanah sewaan. Di mana mereka mendahului tanah sendiri barulah dikerjakan di tanah sewaan.

1.3. Golongan Penyewa Tanpa Memilik

Golongan ketiga ini seramai 10 keluarga (20%)⁽⁷⁾ daripada 50 keluarga dikaji, kehidupan mereka adalah bergantung pada tuan-tuan

(6) Lihat Jadual (1)

(7) " " "

tanah yang mereka sewa. Mereka membayar mengikut kehendak tuan-tuan tanah, biasanya secara bahagi dua hasil yang diperolehi, lain-lain syarat biasanya menghantar hasil keluaran ke rumah tuan tanah ataupun terpaksa berkongsi membeli bahan untuk tanaman padi. Mereka yang menyewa ini biasanya mempunyai tenaga kerja yang cukup yang diperolehi dari keluarga sendiri.

Secara umumnya dapatlah dikatakan yang pemilikan tanah bendang di Bechah Kelubi terbahagi pada 3 kategori yang besar iaitu:-

1. Pemilik tanpa menyewa
2. Pemilik penyewa
3. Penyewa tanpa memilik

Adalah jelas kepada kita bahawa tanah adalah begitu penting bagi mereka. Ia merupakan hubungan yang sangat rapat. Tanah dianggap sebagai perlu hidup mati mereka. Kalau tiada tanah menggantarkan mereka makan dan sebaliknya, akan tetapi masalah seperti ini tidak dapat dielakkan daripada berpanjangan tanpa diatasi.

1.4. Sifat tuan-tuan tanah bendang di Bechah Kelubi

Maksud tuan tanah telah diuraikan di bahagian di atas. Apa yang berbeza tuan-tuan tanah di sini ialah, bilangan mereka yang terdapat di sini hanya 3 orang saja, tambahan keluasan yang dimiliki oleh mereka maximum hanyalah 9.99 ekar. Apa yang menyebabkan mereka menjadi tuan tanah ialah:-

- i) Keluasan tanah yang tidak memenuhi keseriusnya diusahakan sendiri,

2) Kedudukan ekonomi mereka sudah bagus, dengan ini menjadikan mereka malas untuk bekerja sendiri, terbahan pula adalah lebih penting menumpukan perhatian mereka kepada sektor lain, usahanya perniagaan yang pada anggapan mereka lebih menguntungkan di samping mendapat hasil pertanian melalui sistem pawah. Lagi pun bila mereka berniaga pawah-pawah yang bekerja dengan tanah mereka akan mengambil barang keperluan harian di kedainya. Kalau tidak dapat dijelaskan dengan wang tunai, maka dijelaskan dengan hasil yang diperolehi nanti harga padi dinilai \$1 untuk 1 gentang. Kajian Kas V menunjukkan gambaran sebegini.

Kajian Kas V

Sebuah keluarga yang mempunyai 3 orang anak, seorang isteri. Satu daripada anaknya telah berumah tangga, usia ketua rumah ialah 56 tahun sementara isterinya berusia 39 tahun, anak-anak mereka berusia 19 hingga 6 tahun. Mereka hanya punya tanah getih seluas 1.5 ekar, mereka terpaksa menyewa dari seorang pekedi runcit tanah seluas 4 ekar. Oleh kerana memerlukan bahan keperluan harian terpaksa petani ini membeli dengan berhutang. Oleh sebab-sebab tertentu menyebabkan petani ini gagal menjelaskan hutangnya dengan tuan tanah (pekedi runcit) itu. Sebagai menjelaskan hutangnya terpaksa dipotong hasil bahagiannya untuk menjelaskan hutang tersebut. Di sini dapatlah disimpulkan bahwa petani terpaksa menanggung kesukaran yang dihadapi walaupun secara menjelaskan hutang dengan hasil penyalungan bahagian mereka.

Di sisi tuan tanah, hubungan mereka dengan pekerja adalah dekat sekali, di mana hampir kesemuanya ada hubungan darah dengan

pekerjaannya. Ini disebabkan yang tuan tanah tersebut berasal dari kampung sendiri, sudah tentu menyerahkan tanahnya untuk kaum keluarganya untuk menolong membantu pendapatan kaum keluarganya. Akan tetapi konsep tekanan antara tuan tanah dengan pekerja tak dapat dihindarkan.

Kesimpulan dapat dibuat yang pemilik tanah bandang terbahagi pada tiga, sementara tuan tanah mempunyai ciri-ciri tersendiri dalam pentadbiran tanah dengan menggunakan tenaga petani untuk kesenangannya, walaupun tidak mengira kesusahan petani tersebut.

B. Struktur Pemilikan Tanah Ladang di Bechah Kelubi

Getah merupakan tanaman jualan (cash crops) yang terpenting. Selepas padi, getahlah yang mengambil tempat yang terpenting. Keluasan tanaman getah yang terdapat di Bechah Kelubi adalah seluas 170 ekar.⁽⁸⁾ Kalau dihitung panjangkan keluasan tanaman getah ini ianya mencapai 2.2 ekar pada tiap-tiap satu keluarga petani, akan tetapi kenyataan sebenarnya tidaklah ujud. Ketidak-samaan pemilikan tanah ladang adalah ternyata sekali, gambaran dalam jadual V menunjukkan keadaan yang ujud sebenarnya.

(8) Sumber dari soal selidik yang mengandungi 50 house hold, jumlah ini di dasar pada keluasan yang mengeluarkan hasil saja.

Jadual V

Struktur pemilikan tanah getah di Bechah Kelubi

(berdasarkan pada 50 household dikaji)

Keluasan Tanah Getah (Ladang) Yang Dimiliki (dalam ekar)	Bil. Keluarga	%
(1)	29	58
dari pada 0.99	2	4
1 = 1.99	6	12
2 = 2.99	4	8
3 = 3.99	4	8
4 = 4.99	2	4
5 = 7.99	2	4
8 = 9.99	=	=
10 = 14.99	1	2
15 ke atas	=	=
Jumlah :	50	100

Berdasarkan data-data dalam jadual 5, menunjukkan yang pemilikan tanah ladang di Bechah Kelubi adalah tidak samarata golongan yang tiada langsung memiliki tanah bendang merupakan golongan majority seramai 22 keluarga (58%). Oleh yang demikian untuk keperluan mereka terpaksa menyewa dari orang lain. Yang memiliki tanah antara 1 hingga 1.99 ekar seramai 6 keluarga (12%), manakala yang memiliki antara 2 hingga 2.99 dan 3 hingga 3.99, masing-masing 4 keluarga yang memilikinya. Sementara yang memiliki antara kurang dari 0.99 ekar, 4 hingga 4.99 ekar

dan 5 hingga 7.99 ekar, masing-masing terdiri dari 2 keluarga, hanya satu keluarga saja yang memiliki keluasan tanah seluas 10 hingga 14.99 ekar. Dalam kategori 8 hingga 9.99 ekar dan ke atas daripada 15 ekar tiada seorang pun yang memilikinya.

Berdasarkan keterangan di atas dapatlah dibuat implikasi iaitu taboran yang tidak sama di segi pemilikannya ujud. Yang tidak bertanah merupakan melebihi dari yang bertanah. Sementara yang memiliki pun merupakan jumlah ekar yang sedikit dengan ini adalah sukar untuk diberikan pada orang lain sebagai disewa. Akan tetapi golongan seramai 29 keluarga ini bergantung pada orang-orang yang di luar daripada kampung ini yang dibincangkan dalam bahagian tempat tinggal penilik ladang di Bechah Kelubi.

Sebagai kesimpulan jadual I dapat dipecahkan yang masyarakat tani yang memiliki tanah getah adalah bertarafkan seperti berikut:-

1. Bertanah Sendiri.
2. Menyewa Sebahagian.
3. Menyewa Sepenuhnya.

Dalam menghuraikan ketiga-tiga class pemilikan ini, jadual VI menunjukkan gambaran sebenarnya.

1. Bertanah Sendiri

Mengikut jadual VI, hanya 3 keluarga saja yang bertaraf memiliki tanah sendiri yang cukup keperluannya di mana tidak lagi bergantung pada orang-orang lain. Keluasan yang mereka punyai hanyalah seluas 28.9 ekar saja, walaupun jumlah ini sangatlah kecil kalau di-

istilahkan tuan tanah tidur akan tetapi berdasarkan sebab-sebab tertentu yang telah diuraikan sebab-sebab ujudnya tuan tanah tidur pada selepas tanah bendang membolehkan mereka seluas ini juga dikatakan tuan tanah tidur kerana mereka tidak bergiat dalam pertanian tapi dalam kerjanya saja yang telah ditentukan. Dengan ini kelapangan masa amat terhad sekali. Jadual VII menunjukkan keluasan tuan-tuan tanah mengikut jenis pekerjaan.

Jadual VI

Pembahagian pemilikan tanah ladang (getah)

mengikut jenis di Bechah Kelubi

Jenis Pemilikan	Bilangan Keluarga	%	Keluasan (ekar)	%
Bertanah Sendiri	3	6	28.9	26.3
Menyewa Sebahagian	18	36	21.1	19.2
Menyewa Sepenuhnya	29	58	60.0	54.5
Jumlah :	50	100	110	100

Jadual VII

Keluasan yang dimiliki oleh tuan-tuan tanah mengikut

jenis pekerjaan

Jenis Kerajaan	Bilangan	Keluasan	%
Pegawai Kerajaan	1	14.5	50.2
Peniaga Runcit	2	14.4	49.8
Jumlah :	3	28.9	100%

2. Penyewa Pengguna

Bilangan keluarga yang termasuk dalam kategori ini seramai 18 keluarga (36%) luas tanah yang dikerjakan seluas 21.1 ekar. Jumlah ini merupakan sederhana besarnya kalau dibanding dengan keluasan tanah yang diusahakannya. Mereka terpaksa menyewa tanah orang lain untuk mencukupi keperluan mereka. Pemilikan yang telah sedia ada pada mereka adalah tidak mencukupi, pergantungan mereka ini tidaklah sekuat harapan pada golongan yang tidak memiliki tanah. Mereka akan membuat kerja kalau ada kesempatan pada mereka, kalau tidak mereka boleh mencari tuan-tuan tanah lain untuk menyewa. Tekanan tuan tanah pada mereka tidaklah sekuat yang ditanggung oleh golongan tanpa memiliki tanah.

Golongan penyewa dan pengguna terpaksa menghadapi 2 tugas yang sama dalam satu masa, iaitu tugas pada pemilikan sendiri dan juga pada tanah yang disewa. Kajian Kes VII menunjukkan gambaran sebenarnya.

Kajian Kes VI

Sebuah keluarga yang mempunyai 2 ekar tanah ladang, ketua keluarga berusia 29 tahun, manakala isterinya 27 tahun. Mereka mempunyai anak yang masih bersekolah berusia 7 - 13 tahun. Mereka memiliki tanah seluas 0.5 ekar, keluarga ini telah membahagikan kerja mereka, di mana si suami bekerja di tanah sewa seluas 1.5 ekar sementara si isterinya bekerja di tanah sendiri seluas 0.5 ekar. Menurut kajian kes ini adalah jelas bahwa kebanyakan daripada petani yang tergolong dalam bahagian pemilik penyewa membahagikan kerja masing-masing.

3. Menyewa Sepenuhnya

Jadual VI menggambarkan pembahagian pemilikan, di mana yang majoritinya adalah terdiri daripada menyewa sepenuhnya untuk pengusahaan getah, tanah yang meliputi dikerjakan oleh golongan ini ialah 50 ekar. Bilangan yang terlibat seramai 29 keluarga (58%). Apa yang menjadi harapan pada mereka ialah bergantung sepenuhnya pada tuan-tuan tanah yang dianggap dapat membolehkan mereka mendapat pendapatan.

Dalam hal pemilikan tanah antara ketiga-tiga golongan ini memperlihatkan yang pada keseluruhannya mempunyai kawasan yang diusaha antara 0.25 hingga 3.99 ekar saja, sementara yang menyewa sepenuhnya mencapai hingga ke 5 ekar. Jadual VIII menerangkan keadaan sebenarnya.

Jadual VIII

Jenis petani yang menyewa mengikut keluasan

Kategori Petani	Bil. Ekar Yang Disewa	Bil. Petani	% Petani
Bertanah Sendiri	-	3	6%
Menyewa Sebahagian	Kurang 0.25 - 3.99	18	36%
Menyewa Sepenuhnya	1 - 5.0	29	58%
Jumlah :	-	50	100%

Mengikut jadual VII, golongan yang memiliki tanah sendiri tidak menyewa dari orang lain, sementara yang menyewa tanah sebahagian ialah seramai 18 keluarga, bilangan yang disewa seluas antara 0.25 - 3.99. Dan yang menyewa sepenuhnya seluas 1 hingga 5.0 ekar, bilangan

petani yang terlibat 29 keluarga. Dengan demikian beberapa implikasi dapat dibuat berdasarkan jadual VII ialah:-

- a) Petani tidak perlu menyewa tanah lain kerana sudah mencukupi keperluan mereka.
- b) Seluas antara 0.25 hingga 3.99 ekar yang disewa oleh petani dari golongan menyewa sebahagian kerana bilangan tanah yang mereka miliki adalah kecil, lagi pun mereka terpaksa mengerjakan tanah sewaan lebih luas kerana faktor kebesaran keluarga, yang mana keperluan untuk mereka adalah bertambah.
- c) Seluas antara 1 hingga 5 ekar yang disewa oleh golongan yang tanpa miliki tanah seramai 29 keluarga adalah disebabkan mereka tiada lagi pilihan lain kecuali menceburkan diri ke arena penyewaan tanah kerana dengan cara ini sajalah dapat membantu dalam keperluan mereka. Kebesaran keluarga juga menjadikan bilangan ekar yang disewa oleh mereka bertambah.

Berkaitan dengan tuan-tuan ladang yang terdapat di Bechah Kelubi, yang sebenarnya ujud ialah kebanyakan tanah di sini dipunyai oleh orang-orang yang tiada tinggal di kampung ini. Kebanyakannya tinggal di luar kampung ada yang tinggal di bandar-bandar. Dengan tanah yang dimiliki oleh mereka inilah menjadikan pihak yang seramai 29 keluarga tadi menumpang rezeki., Gambaran tempat tinggal dan keluasan tanah yang dimiliki oleh tuan-tuan tanah di Bechah Kelubi ditunjukkan dalam jadual VIII.

Jadual VIII

Tempat tinggal dan keluasan pemilikan ladang Bechah Kelubi

Tempat Tinggal Tuan Tanah	Bil. Tuan Tanah	%	Luas Tanah	%
Kampung Bechah Kelubi	3	15.8	8.9 ekar	8.1
Kg. Chekok	14	73.7	41.1	37.4
P. Mas	-			
Kota Bharu	2	10.5	60.0	54.5
Lamor Kelantan	-			
Jumlah :	19	100%	110	100

Berdasarkan jadual VIII adalah jelas pada kita bahwa sebahagian besar daripada petani Bechah Kelubi bergantung pada pemilikan orang lain yang kebanyakannya tinggal di luar daripada kampung itu sendiri, hanya 3 orang tuan tanah saja yang tinggal di kampung tersebut seluas 8.9. Manakala yang lain-lain tinggal di Chekok seramai 14 orang dengan keluarga yang dimiliki seluas 41.1 dan Kota Bharu 2 orang dengan keluasan seluas seluas 60.0.

Pihak-pihak tuan-tuan tanah tidaklah sungaharep sangat hasil daripada ladang-ladang mereka, di mana mereka jarang-jarang melibatkan diri dengan perladangan. Kalau melibat pun secara 1 kali dalam masa seminggu. Mereka multilateral kepada profesional mereka di bandar, umpannya berniaga. Jadual IX menunjukkan jenis pekerjaan yang dipegang oleh mereka.

Jadual IX

Jenis pekerjaan tuan tanah di Bechah Kelubi

Tempat Tinggal Tuan Tanah	Pekerjaan Tuan Tanah	Bil.	%
Bechah Kelubi	Pegawai	1	5.3
	Berniaga Runcit	2	10.5
Chekoh	Berniaga (store-keepar)	14	73.7
	Berniaga Perkakas besi & Alatulis.	2	10.5
Jumlah :		19	100%

Tuan-tuan tanah ini, khususnya yang tinggal di luar daripada kampung ini memiliki lebih daripada 15 ekar. Satu kajian penyelidikan dibuat di Bechah Kelubi ada menunjukkan yang pemilikan mereka melebihi dari pada tuan tanah di Bechah Kelubi sendiri. Kajian Kes VII menggambarkan keluasan pemilikan yang diperolehi oleh tuan tanah di luar daripada Bechah Kelubi.

Kajian Kes VII

Kajian dibuat ke atas satu keluarga yang bekerja secara khusus di salah sebuah ladang di Bechah Kelubi yang luasnya sejumlah 20 ekar. Segala tugas-tugas yang berkait dengan perladangan ditanggung oleh tuan tanah. Tuan tanah merupakan seorang peniaga barang-barang besi yang bertempat di Kota Bharu. Selain dari di sini tuan tanah ini juga memiliki tanah berasingan di satu kawasan di Macang seluas 48 ekar.

Sebagai kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan pada jadual IX, menunjukkan yang pemilikan tanah ladang adalah dikuasai oleh orang-orang yang sudah kaya. Dengan pemilikan ini menyebabkan kekayaan mereka akan bertambah lagi.

Satu lagi kaitan tuan-tuan tanah yang terdapat di sini ialah perhubungan darah di antara penyewa dengan pemilik. Jadual X menggambarkan bahawa kebanyakannya daripada penyewa tidak mempunyai hubungan darah dengan tuan-tuan tanah, tapi sebaliknya yang mempunyai hubungan darah dengan penyewa hanyalah sedikit saja.

Jadual X

Hubungan darah antara penyewa dan pemilik

Jenis Hubungan	Bilangan	%
Hubungan Darah	3	15.8
Tiada Hubungan Darah	16	84.2
Jumlah :	19	100

Adalah jelas di sini bahawa yang mempunyai hubungan darah hanyalah 3 orang saja (15.8%), sementara yang tiada ujud hubungan darah ialah 16 orang (84.2%).

1.4. Keluasan tanah yang belum diusaha untuk perusahaan ladang getah

Sejumlah 60 ekar yang terdapat di kampung ini masih lagi tidak diusaha kerana tidak lagi mengeluarkan hasil. Ini disebabkan kerana umur untuk mengeluarkan hasil masih belum sampai. Yang berumur

7 tahun adalah takat yang sesuai bagi pokok getah mengeluarkan hasilnya. Keadaan ini menyebabkan mereka menyewa dari orang-orang lain.

Rumusan

Secara amnya dapat dikatakan bahwa struktur pemilikan tanah bendang dengan struktur pemilikan tanah ladang hampir-hampir sama, iaitu,

- (1) Bertanah Sendiri
- (2) Menyewa Sebahagian
- (3) Menyewa Sepenuhnya

Tapi dalam ketiga-tiga kategori pemilikan ini adalah lebih menonjol pada kita bahwa kadar penyewaan tanah ladang adalah tinggi kalau dibanding dengan kadar penyewa tanah bendang, di mana yang menyewa tanah bendang ialah 26 keluarga dibanding dengan yang menyewa tanah ladang sebanyak 47 keluarga.

3. Sistem pemilikan dan perladangan tembakau

Tembakau merupakan hasil pertanian yang penting, ia sebagai pertanian kontaray, perusahaan ini begitu popular di sini sejak tahun 1968. Perusahaan tembakau merupakan tanah yang digunakan pada tapak yang sama dengan kawasan padi, oleh itu struktur pemilikannya tidaklah begitu luas pemilikannya, tidak seperti pada tanah bendang dan juga tanah ladang getah. Biasanya penanaman tembakau adalah mencukupi seluas 0.25 ekar ataupun sebanyak 1000 pokok untuk satu-satu keluarga. Akan tetapi keluasan tembakau yang ditanam oleh 50 keluarga di Bechah Kelubi hanya-lah seluas 14.5 ekar saja.⁽⁹⁾ Pada hitung panjang tiap-tiap satu keluarga yang mengusahakan tembakau ialah 0.29 ekar atau 1500 pokok,

⁽⁹⁾ Sumber dari soal selidik sebanyak 50 keluarga di Bechah Kelubi.

ini merupakan bilangan yang tidak banyak, tapi pada sebenarnya ujud di sini adalah sebaliknya. Jadual XI menggambarkan keadaan yang sebenarnya.

Jadual XII

Struktur keluasan tembakau di Bochah Kelubi

(Sample seramai 50 keluarga)

Kawasan Tanah Yang Diusaha	Bil. Penanam	%
0	22	44
0.1 - 0.25	21	42
0.26 - 1.0	5	10
1.1 - 1.99	2	4
2 ke atas	-	-
Jumlah :	50	100

Dari jadual XI menunjukkan seramai 22 keluarga yang tidak menanam tembakau langsung (44%), sementara yang mengusahakan seluas antara 0.1 - 0.25 merupakan bilangan yang terbanyak di samping yang tidak menanam, mereka seramai 21 keluarga (42%). Golongan yang mengusahakan tanah antara 0.26 - 1 ekar seramai 5 keluarga (10%) dan yang mengusahakan seluas 1.1 - 1.99 seramai 2 keluarga (4%) keluasan yang lebih daripada 2 ekar tidak ada seorang pun yang mengusahakannya. Walau bagaimanapun antara kumpulan yang dapat dibuat berdasarkan jadual XI ialah:

- 1) Seramai 22 keluarga yang tidak melibatkan diri dengan perusahaan ini mungkin kerana harga tembakau tidak pernah

tetap, kemudian kerana penjagaan tembakau merupakan kerja yang amat rumit adalah tidak mendorongkan mereka untuk bergiat dalam perusahaan itu.

- ii) Keluasan seluas 0.1 - 0.25 seramai 21 keluarga menunjukkan mereka hanya berminat mengerjakan tembakau seluas itu, kerana dianggap penanaman tembakau hanya sebagai mengisi masa lepang saja.
- iii) Yang lebih daripada 1 ekar merupakan golongan yang kurang dan tiada langsung bila mencapai 2 ekar ke atas. Ini adalah disebabkan ketidak cukupan masa mereka mengerjakannya.

Berkaitan dengan soal pemilikan, ianya juga berpecah kepada 3 jenis pemilikan, umpamanya,

1. Sewakan pada orang lain (maksud sewa di sini ialah sewa berbentuk tanah saja, tidak bersamaan dengan sewa pada getah ataupun padi, biasanya dibayar dalam bentuk kos bergantung pada kesuburan tanah).
2. Pemilik dan penyewa.
3. Usaha sendiri.

Gambaran pemilik tembakau pada keseluruhannya ditunjukkan dalam jadual XIII di bawah.

Dalam jadual XIII, menunjukkan bahwa ramai daripada petani-petani di sini berminat untuk mengusahakan sendiri, di mana seluas 12.25 ekar dikerjakan seramai 20 keluarga. Sementara petani yang menyewa dari orang lain yang seluas 1.75 ekar adalah hanya 4 keluarga saja yang mengerja-

kannya, begitu juga golongan pemilik dan penyewa iaitu seluas 0.5 ekar disewa oleh 4 keluarga. Dengan demikian dapatlah dibuat kesimpulan yang struktur pemilikan tanah ladang terbakau adalah terbahagi pada 3 juga iaitu,

- 1) Usaha Sendiri (pemilik dan pengguna).
- 2) Menyewakan pada orang lain (penyewa dan pemilik) dan
- 3) Penyewa (tidak dianggap tuan tanah kerana jumlah yang diperolehi tak sama dengan maksud pada tuan tanah bendang dan getah).

Kesudahan ketiga-tiga kategori pemilik ini menggambarkan masyarakat sosial yang mana dibincangkan dalam bah. Implikasi sek di bah ke 6 kolak.

Jadual XIII

Struktur pemilikan terbakau di kalangan masyarakat tani

Bebahan Kelubi

Jenis Pemilik	Bil. Dalam Ekar Yang Diusaha	% Diusaha	Bil. Penyewa/Pekerja	%
Sewakan pada orang lain.	0.5	3.4	4	14.3
Pemilik dan Penyewa.	1.75	12.1	4	14.3
Usaha Sendiri	12.25	84.4	20	71.4
Jumlah:	14.5	99.9	28	100

Sebagai kesimpulan umum dalam membincangkan struktur pemilikan tanah di Bechah Kelubi, ianya dapat dipecahkan pada beberapa bahagian umpananya:-

1. Ujudnya perbezaan di antara corak-corak pemilikan tanah pada ketiga-tiga jenis penanaman itu, di mana pada tanah bendang ramai daripada mereka memiliki tanah sendiri. Jumlahnya adalah sebanyak 24 keluarga (48%), sementara yang menyewa termasuk menyewa sebahagian ataupun sepenuh sebanyak 26 keluarga. Keadaan ini adalah jauh lebih berbeza pada struktur pemilikan tanah ladang, iaitu yang memiliki tanah sendiri hanyalah 3 keluarga saja (6%) kalau dibanding dengan yang menyewa termasuk menyewa sebahagian ataupun sepenuhnya terdiri dari 47 keluarga, tetapi dalam pemilikan terhadap tanah tembakau adalah berlainan sekali iaitu yang menyewa hanya 4 orang, manakala yang usaha sendiri termasuk tuan tanah seramai 24 keluarga.
2. Terdapatnya kadar penyewaan yang tidak sama di antara ketiga-tiga jenis pemilikan itu, iaitu, kadar penyewaan terhadap tanah getah jauh lebih tinggi daripada kadar penyewa tanah bendang dan juga tembakau. Pada getah petani-petani terpaksa menyewa seramai 47 keluarga (94%) pada keluasannya seluas 81.1 ekar. Manakala pada tanah bendang kadar penyewaannya adalah agak rendah sedikit, di mana yang terlibat dengan penyewaan hanyalah 40 (80%) keluarga yang terlibat pada tanah seluas 146.9 ekar akan tetapi pada tembakau ianya lebih rendah kadar penyewaan

iaitu hanya 4 keluarga saja yang menyewa ke atas tanah seluas 1.75 ekar.

3. Penjenisan tuan tanah adalah tidak sama di antara ketiga-tiga corak pemilikan tanah itu, di mana tanah berjangkauan tanahnya hanya memiliki seluas antara 11 - 14.99 ekar saja lagi pun tuan tanah tersebut tinggal di kampung itu sendiri, akan tetapi corak tuan tanah yang ujud pada sektor perladangan getah adalah berbeza iaitu, tuan-tuan tanah di sini sebahagiannya tinggal di luar-luar kampung, mereka membuat pengurusan secara dua atau tiga kali saja seminggu dan mereka biasanya mengaji orang lain untuk mengerjakannya, lagi pun mereka ini mempunyai tanah yang luas keluasannya melebihi 15 ekar ke atas, hingga sampai pada 30 ekar seorang tuan tanah, satu lagi ialah tuan-tuan tanah pada perladangan getah ini kebanyakannya tiada hubungan darah dengan pekerja. Dan juga di segi pekerjaannya. Mereka mempunyai jenis pekerjaan yang profesional. Bagi tanah ladang, hanya peniaga runcit dan pegawai kerajaan yang separuh iktisas saja.
4. Ujudnya saiz tanah yang dikerjakan adalah tidak sama di antara ketiga-tiga sektor penanaman itu. Di mana pada penanaman pedi saiz tanah yang dikerjakan adalah lebih luas iaitu seluas 146.9 ekar, dibanding dengan yang ditanam oleh getah seluas 110 ekar, sementara tanaman tembakau adalah jumlah yang kecil iaitu seluas 14.5 ekar saja.
5. Walaupun seluas 316.9 ekar kesemua jenis tanah yang diperolehi di kampung yang dikaji, namun seluas 60 ekar masih lagi belum mengeluarkan hasil.

BAB V

AKTIVITI EKONOMI MASYARAKAT BECHAH KELUBI

Kajian tentang aktiviti ekonomi penduduk-penduduk Bechah Kelubi adalah didasarkan pada 50 orang ketua rumah, yang mana aktivitinya dapat dilihat disegi penjenisan pekerjaan yang dilakukan oleh penduduk tempatan. Dilihat di segi pendapatan dan perbelanjaan sebagai kes study dan juga bagaimana ke semua pemilikan tanah dapat mereka miliki. Penekanan diberikan juga kepada pengeluaran yang dihasilkan oleh petani-petani tempatan itu.

1.1 Pekerjaan

Kajian yang dibuat ke atas 50 ketua rumah menunjukkan mempunyai beberapa pekerjaan yang berbeza-beza. Secara umumnya pengkaji telah memecahkan kepada 2 kategori yang besar-

- a. Mereka-mereka yang bergiat dalam pertanian.
- b. Mereka-mereka yang bergiat di luar lapangan pertanian.

Jadual di bawah menunjukkan penjenisan pekerjaan yang terdapat di kalangan penduduk tempatan yang tergulung dalam lapangan pertanian.

Jadual 14

Jenis Pekerjaan Dalam Pertanian

Jenis Pekerjaan	Bilangan Keluarga	%
Penyewa	10	25.6
Penyewa Pengguna	6	15.4
Penilik Pengguna	20	51.3
Buruh upahan untuk pertanian	3	7.7
Jumlah	39 Keluarga	100

Manakala yang terlibat di luar aktiviti pertanian sebagai pekerjaan mereka adalah seperti berikut:

Jadual 14 (a)

Jenis Pekerjaan Di luar Pertanian

Jenis Pekerjaan	Bilangan Keluarga	%
Tuan tanah	2	18.2
Cikgu	1	9.1
Pegawai Kerajaan	1	9.1
Peniaga	4	36.4
Askar	1	9.1
Tukang rumah	2	18.2
Jumlah	11 Keluarga	100%

Daripada data-data yang dicatitkan itu menggambarkan mereka mempunyai kerja yang luas, dan kebanyakannya daripada mereka bekerja menggunakan tenaga yang berat. Bilangan petani yang terlibat secara langsung dengan pertanian ialah pemilik-pengguna, 11 keluarga daripada 39 adalah terdiri dari gulungan ini. Manakala penyewa-pengguna seramai 6 keluarga, Buruh upahan seramai 3 keluarga yang menjadi penyewa seramai 1 keluarga. Ke semua jenis petani ini telahpun dihuraikan dalam bab 4.

a) Aktiviti-aktiviti yang bercorak ekonomi pertanian

Dalam membincangkan aktiviti pertanian, tanah merupakan faktor yang penting bagi menentukan seseorang itu di dalam susun lapis masyarakat dan ia, iaitu tanah juga menentukan kecapaian pendapatan yang diterima mereka. Seterusnya tanah juga menentukan sebuah keluarga itu kaya ataupun miskin. Di sini apa yang ditekankan ialah bagi yang memiliki tanah yang sesuai dengan keperluan mereka tidak lagi bergantung pada orang lain dan sebaliknya kalau tidak mencukupi tanah untuk diusahakan, maka terpaksa disewa dari orang lain. Di mana proses penyewaan ini akan dibincangkan pada bab seterusnya.

Bechah Kelubi merupakan kawasan yang banyak mempunyai tenaga buruh seramai 39 keluarga daripada 50 keluarga yang dikaji adalah terlibat secara langsung dengan perburuhan. Sample yang diambil itu adalah menggambarkan keseluruhan keluarga yang terdapat di kampong ini.

Jenis pekerjaan

Masyarakat Bechah Kelubi mempunyai pekerjaannya yang tersendiri, ada di antara mereka tidak mempunyai kerja tetap dan ada yang mempunyai kerja tetap. Di samping itu pula keseluruhan mereka mempunyai kerja

yang menggunakan tenaga yang banyak. Secara keseluruhannya jenis kerja yang dapat dilihat secara amnya ialah terbahagi kepada dua:-

1. Kerja tetap.
2. Kerja sementara.

1. Kerja tetap

Petani Sechah Kelubi pada keseluruhannya bergiat dalam penanaman padi dan getah. Kedua-dua jenis ini ialah merupakan kerja tetap mereka.

Penanaman padi - seluas lebih kurang 25 ekar⁽¹⁾. Jadi seranai 39 keluarga menyusahakan tanah seluas 25 ekar. Dalam mengusahakan tanaman padi, beberapa proses yang terpaksa dihadapi oleh para petani, misalnya penyediakan tapak semaisan, di mana kerja-kerja harus disegerakan. Kalau tidak mungkin ianya ketinggalan musim⁽²⁾. Sebaik-baiknya hendaklah dibuat serentak dengan orang lain yang dianggap tidak ketinggalan musim. Di samping itu pula, petani-petani terpaksa menyediakan tapak tempat mengubah. Setelah banch semaisan tadi sesuai untuk diubah biasanya ia menekan tanah selama sebulan baru sesuai untuk tapak baru. Selepas itu proses pemurai pula tiba, jangka masa antara mengubah dan memurai hampir. Selama 3 bulan hingga 4 bulan. Jadual diambil oleh petani untuk sektor penanaman padi.

(1) Berdasarkan 50 keluarga yang dikaji seluas 25 ekar yang dimiliki meratus.

(2) Merujuk kepada, kalau ianya dikerjakan selepas musim hasil yang dipercayai tidak lumayan.

Jadual 15

Jadual Masa Kerja Untuk Tanaman Padi.

Jenis yang dikerjakan	Jangka masa
Menyiapkan tempat semai	Julai
Menyiapkan tempat mengubah	Ogos
Menuai	Januari/Februari

Walau bagaimanapun kerja-kerja lain hendaklah diperhatikan semasa penanaman hingga ia nyata dituai kerana musuh-musuh padi banyak merosakannya. Selain dari itu penyakit dan air perlu diawasi selalu agar pokok padi dapat subur dengan baik.

Dilihat dari jadual di atas menunjukkan jarak masa setahun untuk penanaman padi adalah sedikit saji yang lainnya terbuang begitu saja hal ini akan dibincang pada bahagian tanaman sementara.

Apa yang perlu ditekankan di sini ialah kemasukan alat-alat teknologi moden ke pengetahuan orang kompong telah menarik minat mereka untuk mencubanya alat-alat seperti trakter, baja kimia, racun-racun serangga telah mendapat perhatian rakyat. Sewajarnyalah mereka menggunakan alat-alat dan teknologi moden ini untuk mengubah keadaan mereka. Sekurang-kurangnya ada beberapa sebab yang menjadikan mereka menukar kepada teknologi moden itu antara sebabnya:-

- Pengerjaan tanah untuk ditunggak dapat dihabiskan dalam jangka waktu yang singkat saji. Perbandingan kerja dengan tenaga sendiri hampir 84 jam untuk seekor. Tapi ianya dapat dihabiskan dalam masa sejam saji oleh jentera moden. ⁽³⁾

(3) Temurah dengan salah seorang ketua keluarga di kompong ini.

Dengan kecekapan kerja ini, membolehkan pihak petani menambah pengusahaannya mereka ke arah yang lebih luas, tanpa menggunakan kerja dan masa yang banyak.

- Pengerjaan yang dilakukan oleh jentera adalah lebih baik di segi kesuburan kerana ia hanya dapat diproses supaya tanah yang dibajak lebih subur. Jentera pembajak hingga 4 inci dalamnya berbanding dengan pembajak tradisional hanya 1 inci saaja.
- Pihak petani memang bimbang tentang risiko yang akan diterima mereka kalau mereka pelihara binatang untuk dikerjakan di sawah. Mungkin binatang itu mati dengan ini boleh mengganggu pekerjaan mereka. Kebimbangan ini berlebihan lagi bila mereka menyewa binatang orang lain untuk dijadikan pembajak sawah. Mereka terpaksa menjaga binatang itu termasuk memandik, memberi makan dan sebagainya. Kalau binatang itu mati, mereka terpaksa membayar balik ganti rugi. Kalau alasan yang diberi memuaskan pihak tuan punya. Tapi masalah ini dapat diatasi kalau mereka membajak dengan jentera moden secara upah.

Walaupun bagaimanapun, padi merupakan tanaman tradisional yang penting di kalangan masyarakat tani. Sechah Kelubi hingga ke hari ini. Walaupun cara-cara pemodenan tidak sampai lagi ke kawasan ini kerana ia hanya tidak termasuk dalam skim talisir Kemulu ataupun Lemal.

Dengan ketidak sempainya projek raksaksa itu ke kawasan ini maka perusahaan padi di sini tidaklah dapat dikatakan terjamin.

a) Penanaman Getah

Penanaman getah dan proses pengeluar hasil getah merupakan pekerjaan yang ke dua pentingnya selepas tanaman padi. Di antara sample yang dikaji, kebanyakannya daripada penduduk di sini ialah melibatkan diri dengan perusahaan ini baik secara langsung ataupun secara tak langsung. Apa yang dimaksudkan secara langsung ialah mereka begiat secara intensif kepada perusahaan ini di mana perusahaan lain tidak dipedulikan. Begitu juga sebaliknya iaitu mengerjakan dalam sektor getah sebagai tambahan selepas daripada masa bekerja di sawah. Masa yang terluang selepas penanaman padi adalah dipenuhi dengan mengerjakan di ladang getah.

Dengan tergambarinya perusahaan getah dan juga tambahan dapat menunjukkan yang pekerjaan tetap sekali ialah perusahaan padi. Sementara yang kedua ialah perusahaan getah.

b) Perusahaan tembakau

Tanaman tembakau adalah begitu popular sekali di kalangan masyarakat tempatan. Sebenarnya perusahaan tanaman ini menampakan perusahaan terbaru bagi penduduk tempatan. Akan tetapi, walaupun ia berbentuk barak, tetapi dapat menarik minat penduduk tempatan supaya bergiat dalam lapangan itu. Sebenarnya tembakau merupakan tanaman jualan yang menguntungkan para petani. Hitong panjang pendapatan petani bagi setiap 0.25 ekar ialah \$300, untung borseh dan lagi segala kemudahan untuk penosoran dikehendakikan oleh pihak pengawit dengan itulah dapat

menarik minat penduduk tempatan. Selain daripada itu pihak pengawit juga menyediakan kemudahan kredit pada petani sendiri dalam bentuk hutang. Inilah yang memudahkan penarikan minat orang ramai terhadapnya. Inilah yang menyebabkan kemasyoran tanaman ini. Selain daripada itu tanaman ini adalah begitu sesuai dengan iklim dan kuasa di sini. Tanah yang sesuai juga mempengaruhi penanam-penanam naminati perusahaan ini.

Di dalam perusahaan tembakau didapati tiga peringkat yang sering dilakukan oleh penduduk tempatan iaitu-

- i) Peringkat tanaman pertama.
- ii) Peringkat tanaman kedua.
- iii) Peringkat tanaman ketiga.

Walaupun ketiga-tiga peringkat yang dibuat untuk petani-petani tempatan, namun masa dan hasil yang diperolehi adalah hampir-hampir sama di antara ketiga-tiga peringkat itu.

Peringkat tanaman pertama

Peringkat ini, biasa juga dikenal dengan tanaman luar musim di mana tanah-tanah sawah tidak lagi diguna untuk tujuan perusahaan tembakau kerana masa bersawah belum berakhir lagi dengan itu pengusaha terpaksa mencari tapak lain. Biasanya tapak yang diguna seperti tanah tinggi yang tidak diusaha sebelumnya. Akan tetapi jumlah yang mengusahakan lapangan ini adalah kurang kalau dibanding dengan yang diusahakan pada tapak sawah.

Pada musim ini hanya orang-orang tertentu saja yang melibatkan diri mereka kerja di sawah belum selesai lagi. Akan tetapi walaupun ianya tidak menaruh minat pada keseluruhannya namun ianya dapat

mengurangkan kadar bilangan yang tidak bekerja bagi yang tidak bertanah sawah.

Peringkat tanaman kedua

Musim ini adalah begitu penting dan popular di kalangan masyarakat tempatan. Kepopularnya adalah disebabkan oleh sebab-sebab tertentu, umpamanya, pada masa ini iaitu Mac adalah musim kebebasan daripada lain-lain tanaman padi tanah sawah dengan itu, petani tidak menghadapi kerumitan tapak tanaman tembakau. Dalam hal itu juga mereka tidak lagi diganggu oleh tanaman lain. Selain daripada itu musim ini tidaklah menghadapi masalah kemarau yang amat sangat. Ini merupakan daya tarik kepada pihak petani tentang kemasyukan tembakau.

Peringkat ketiga

Zaitu selepas saja musim kedua, pada penghujung bulan Julai. Akan tetapi sebelum habis peringkat kedua, peringkat ketiga diusaha serentak. Ini adalah untuk membolehkan para petani tidak memakan masa yang lama untuk dipasarkan hasil mereka selepas peringkat kedua itu.

Akan tetapi, minat penduduk tempatan adalah kurang sedikit kalau dibanding dengan peringkat kedua kerana kesuntukan masa untuk mengerjakan disebabkan tiba musim padi iaitu bulan Julai menyediakan tempat semaiian.

Apa yang ditekankan di sini ialah, penanaman tembakau merupakan tanaman yang berperingkat-peringkat, ia juga merupakan tanaman jualan 'cash crops'. Sambil menanti musim padi, maka ditanami dengan tembakau sebagai kerja sambilan mereka.

ii) Kerja sementara ⁽³⁾

Apa yang dinaksudkan sementara di sini ialah masyarakat kompong tidak mempunyai kerja yang khusus untuk mereka kerjakan seringkali bertukar kerja dari satu kerja ke kerja yang lain, misalnya mereka pernah menebas, menggali parit, membersih ladang getah orang lain dan sebagainya. Walau bagaimanapun kegiatan mereka memang berkait dengan pertanian. Mereka akan menjalankan aktiviti yang berkait dengan pertanian kerana mereka sudah pelupori sejak zaman berzaman lagi akan tetapi ada juga setengah mereka membuat pilihan sendiri iaitu pergi ke tempat lain, misalnya ke Singapura dan lain-lain tempat untuk mendapat kerja baru. Keadaan penindahan cari kerja ini akan dibincangkan di bawah tajuk mobility penduduk dalam bab 6 kelak.

Ada setengah daripada mereka yang mengerjakan dalam bentuk kerja sementara ini dengan mengerjakan dusun ataupun ladang-ladang getah sendiri. Keadaan ini dapat dilihat pada ketidak cukupan wang untuk mengupah orang lain. Mereka mengerjakan ini adalah disebabkan oleh satu faktor utam, iaitu ketidak cukupan tanah untuk diusaha secara kerja tetap, menyebabkan terpaksa mengambil upah di ladang-ladang orang lain ataupun mengerjakan tanah sendiri sementara menanti musim tiba.

Kesimpulan yang dapat dilihat di sini ialah dalam golongan petani yang melibatkan diri dengan pertanian mempunyai jenis-jenis kerja yang

(3) Yang bermaksud sementara ini tidak tetap seperti yang disabit sebagai sementara dalam bahagian kerja tetap di atas tanaman tembakau

tertentu, keujudan kerja sementara memperlihatkan kecukupan tanah belum selesai lagi.

Pendapatan dan pemilikan

i) Pemilikan: Tanah merupakan harta tetap mereka selain di tapai emas. Pada masyarakat (masyarakat tani) tanah adalah status ekonomi yang penting. Mereka bergantung kuat pada tanah kerana pada mereka pendapatan hanya diperolehi melalui mengusahakan tanah itu sendiri. Pada hakikatnya yang bergantung pada tanah adalah tak pernah tetap dan begitulah yang telah ujud pada petani-petani tempatan. Pendapatan mereka akan meningkat bila saja keluasan yang dimiliki bertambah ataupun ianya mungkin bertambah kalau tidak diserang oleh bencana alam, seperti, penyakit, banjir ataupun kemarau.

Berkait dengan pendapatan keluasan pemilikan yang dipunyai oleh petani itu sendiri adalah berkait rapat antara satu sama lain. Data-data di bawah menunjukkan keluasan tanah dan kegunaan yang dimiliki oleh penduduk Desa Kelubis.

Jadual 16

Keluasan Tanah Yang Dimiliki Oleh Ketua Rumah

Jenis Kerja	0	0.10-0.25	0.5-0.99	1-2.99	3-3.99	4-4.99	5-7.99 &+
Padi	4	1	2	2	1	-	- -
Getah	3	4	8	1	1	-	- -
Tembakau	3	3	3	-	-	1	- -
Kerja kompong/dusun	-	1	-	1	-	-	- -
Jumlah	10	9	13	4	2	1	- -

Kajian yang dibuat ini adalah berdasarkan pada 39 keluarga yang tergolong dalam kategori melibatkan diri secara langsung dengan tanah. Jelas kedapatan di sini ialah ramai yang terdiri daripada pemilikan seluas antara 0.99 ekar kebawah. Apa yang diperhatikan ialah penanam padi miliki tanah sawah seluas antara $\frac{1}{2}$ ekar hingga 0.99 ekar. Akan tetapi pemilikan seluas ini tidaklah mencukupi bagi menekan. Dengan yang demikian mereka terpaksa juga menerokai sektor perladangan getah ataupun perusahaan tembakau demi keperluan mereka. Bagi yang memiliki tanah antara 0.1 hingga 0.25, adalah terdiri seramai 9 keluarga. Jumlah ini adalah tergolong dalam ke semua pemilikan. Bagitu juga yang tidak mempunyai tanah langsung seramai 10 keluarga. Apa terdapat sebenarnya ialah golongan yang tidak bertanah terpaksa menyewa secara penuh dari golongan lain untuk kepentingan mereka **sendiri**.

Dengan itu, maka dapat keterangan pada kita bahawa petani di sini adalah berhubungan rapat dengan tanah untuk menentukan pendapatan mereka.

ii) Pendapatan

Pendapatan masyarakat tani telahpun diterangkan pada awal bab ini iaitu penglibatan mereka dalam sektor pertanian untuk memperolehi pendapatan dan juga penglibatan mereka kepada sektor bukan pertanian. Akan tetapi apa yang sebenarnya ujud ialah kebanyakannya daripada mereka adalah tergolong pada golongan ini iaitu yang bergiat pada sektor pertanian. Dalam membincangkan pendapatan di kalangan mereka hakikat sebenarnya menunjukkan yang perdapatan di kalangan mereka tidak pernah tetap. Keadaan sedemikian adalah disebabkan bahan jualan mereka dipengaruhi oleh faktor-faktor lain, umpannya faktor harga, bencana alam ataupun kerana tindakan tuan-tuan tanah. Gambaran dalam jadual di bawah

menunjukkan keadaan sebenarnya ujud di kalangan seramai 39 keluarga petani yang tergolong dalam melibatkan diri dalam sektor pertanian.

Jadual 17

Pendapatan 39 Keluarga Yang Diperolehi Dari Segala Hasil Yang Ditanam Usahawan (Berdasar Pada Sebulan)

Pendapatan (\$)	Bilangan	%
Kurang 50	10	25.6
51 - 100	23	59.
101- 150	5	13.
151- 200	1	2.5
201 - ke atas	-	-
Jumlah	39	100.1

Jadual pendapatan di atas menunjukkan keadaan sebenarnya ujud di kalangan masyarakat tani yang tergolong dalam penglibatan secara terus dengan pertanian. Apa yang dapat dianalisa di sini ialah mereka-mereka yang memperolehi pendapatan di antara 51 hingga 100 ringgit seramai 23 keluarga (59%). Ini merupakan lebih daripada separuh yang dikaji. Sementara itu golongan yang kedua ialah yang memperolehi pendapatan kurang daripada 50 ringgit. Seramai 10 keluarga (25.6%). Bagi golongan yang memperolehi antara \$101 hingga 200 ringgit adalah seramai 6 keluarga saja (15.5%). Gebaran sedemikian menunjukkan yang kebanyakannya daripada mereka masih lagi mengalami keturangan pendapatan untuk keperluan mereka. Dengan demikian mereka terpaksa memperolehi pendapatan dari punca-punca lain. Kajian ini selanjutnya menunjukkan ketidak cukupan pendapatan dari sebuah keluarga dan terpaksa mendapatkan dari lain-lain sumber.

Kajian Kas

Seluruh petani yang mempunyai 2 anggota keluarga seramai 4 orang anak-anak mereka berusia antara 6 hingga 5 tahun. Mereka bergantung pada hasil getah yang diusahakan secara sewa daripada orang lain dan juga mendapat hasil tambahan dari tanah sawah seluas 0.25 ekar, juga secara menyewa dari orang lain. Keluarga tersebut juga mengambil upah melalui buruh kasar seperti upah menebas ladang, menggali parit atau lain-lain kerja yang boleh membawa hasil padanya akan tetapi pendapatan yang mereka perolehi hasil daripada kerja-kerja tersebut hanyalah sebanyak 45/- saaja. Jumlah ini adalah tidak mencukupi di segi perbelanjaan mereka yang dianggarkan lebih daripada pendapatan untuk menghadapi masaalah ini. Mereka tumpaksa menggadaikan perkakas kemas mereka di pajak-pajak gadai, dengan cara inilah yang menjadi sumber pendapatan mereka.

iii) Perbelanjaan sebagai kajian kas

Segi perbelanjaan, masyarakat teni di sini menghadapi masaalah yang besar di mana punca daripada pendapatan pada keseluruhan mereka tidak mencukupi segala perbelanjaan yang mereka lakukan. Apa yang menjadi masaalah pada mereka ialah ketidak cukupan untuk mereka belanjakan menjadikan mereka lebih miskin, untuk mengadakan benda-benda atau perkakas yang baru adalah tipis sekali. Sedangkan benda yang dianggap penting pun kadang-kadang untuk mengadakannya terbentut. Mereka yang menghadapi masaalah demikian ialah terdiri dari golongan yang mempunyai pendapatan kurang dari 100 ringgit.

Kajian kas di bawah menunjukkan anggaran perbelanjaan yang dilakukan oleh sebuah keluarga yang mempunyai pendapatan kurang daripada 50 ringgit.

Kajian kes

Banyak keluarga yang mempunyai 4 anggota keluarga mempunyai pendapatan hanya 45 ringgit untuk sebulan. Jumlah sedemikian kecil adalah digunakan untuk keperluan hidup mereka. Anggaran yang pernah mereka buat di segi perbelanjaan adalah seperti berikut (berdasar pada sebulan secara kasar)

1.	Belanja dapur	\$30.00
2.	Kelengkapan pakaian anak-anak	\$10.00
3.	Kemudahan kesihatan	\$ 5.00
4.	Sedekah/fitrah/derma	\$10.00
		<u>\$55.00</u>

Jumlah ini menggambarkan belanja yang dibuat olehnya adalah melebihi daripada jumlah pendapatan. Apa yang dibuat oleh mereka untuk menghadapi masalah kekurangan belanjaan ini seperti meminjam dari orang lain atau sebagai jalan terakhir mengadaikan barang-barang kerasa mereka.

Secara keseluruhan dapatlah dikatakan masalah kemiskinan Sebah Kelubi adalah berpunca dari ketidak cukupan tanah pada kalangan petani-petani yang melibatkan diri mereka secara langsung dengan tanah.

b) Aktiviti ekonomi di luar pertanian

Seramai 11 keluarga dari 50 keluarga yang terdapat di Sebah Kelubi adalah tergolong pada golongan yang bergiat di luar sektor pertanian, di mana aktiviti-aktiviti mereka adalah tidak bergantung dengan tanah. Walaupun ada di antara mereka mempunyai tanah, tetapi penggunaan mereka tidak mereka sendiri yang mengusahanya ianya diberi pada orang lain untuk diuruskan. Sekira daripada mereka ini golongan yang terdiri dari

Kategori ini hampir keseluruhannya adalah yang mempunyai pendapatan yang kuat di segi ekonomi dan ada yang bergaji tetap. Taburan jenis pekerjaan yang mereka alami adalah seperti berikut:-

Jadual 16

Kategori Pekerjaan Dikalangan Yang Terlibat Dengan Pertanian

Jenis Pekerjaan	Bil.	%
Pegawai Kerajaan	1	9.1
Cikgu	1	9.1
Perniagaan	4	36.4
Tukang rumah	2	18.2
Tuan tanah asal	2	18.2
Askar	1	9.1
Jumlah	11	100.0

Jadual di atas mengebarikan susunan pekerjaan yang terdapat di kalangan mereka-mereka yang tidak melibatkan diri di sektor pertanian. Kategori perniagaan adalah majoriti nyata keluarga berbanding dengan yang lain-lain. Bereka yang bergaji tetap adalah hanya 3 keluarga saja pada ketiga-tiga kategori kerja. Kekekalan ekonomi di segi perniagaan mengebarikan kedudukan mereka dapat menjadi golongan yang berjaya di segi penilikan tanah.

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan yang golongan-golongan tardiri daripada tidak melibatkan diri di sektor pertanian mempunyai komahiran dan juga pengetahuan yang tinggi di banding dengan golongan yang melibatkan secara langsung dengan pertanian.

Adapun pada hakikat sebenarnya telah ujud di sini ialah golongan ini juga secara umumnya, terdapat 2 jenis pekerjaan:-

a. Jenis-jenis kerja

i. Kerja tetap dan pendapatan.

ii. Kerja sambilan dan pendapatan.

i. Kerja tetap dan pendapatan

Mereka yang tergolong dalam lengkongan ini keseluruhannya mempunyai kerja tetap antaranya ialah Pegawai Kerajaan, Cikgu, tuan tanah tulin dan juga peniaga. Pendapatan mereka stabil kalau di banding dengan lain-lain kategori, terutamanya ketegori tukang rumah atau besi, pendapatan mereka adalah selebih 500 sebulan di mana jumlah ini sudah mencukupi di dalam kepentingan hidup mereka keseluruhn pendapatan yang diterima mereka itu mengerjakan mereka tidak perlu lagi mengusaha lain-lain pekerjaan untuk menambah pendapatan yang sudah sedia ada. Jadual berikut menunjukkan jumlah pendapatan yang mereka terima berdasarkan pada tiap-tiap bulan.

Jadual 19

Pembahagian Pendapatan Pada Yang Bergaji Tetap

Jenis pendapatan (s)	Bil.	%
Rurung dari 500	3	33.3
501 - 600	1	11.1
601 - 700	2	22.2
701 - 900	2	22.2
Lebih 900	1	11.1
Jumlah	9	99.9

Jadual di atas menggambarkan kedudukan kewangan yang diterima oleh masyarakat Bechah Kelubi dalam kategori tidak melibatkan pertanian. Pendapatan berdasarkan pada tiap-tiap bulan ini menunjukkan gulongan mereka lebih berjaya di banding dengan kategori yang pertama tadi. Adapun hanya 3 keluarga saja yang mendapat pendapatan antara kurang dari 500 ringgit, tapi adalah sudah mencukupi untuk kegunaan mereka di muka depan mereka. Gulongan yang mendapat pendapatan antara 501-600 hanyalah seorang dan antara \$601 hingga \$700 dua keluarga. Begitulah seterusnya hingga lebih daripada 900/= hanya satu keluarga saja.

Berdasarkan kajian di atas dapat dikatakan yang gulongan ini merupakan class yang berjaua di segi ekonomi dan seterusnya mengelakan ketidak samaan struktur ekonomi antara mereka dan gulongan pertama.

ii. Kerja sambilan/separuh tetap dan pendapatan

Dalam antara kajian 11 keluarga yang tidak terlibat dengan pertanian 2 daripada mereka adalah terdiri dari kerja sambilan, separuh tetap, di mana kerja konshiran yang mereka dapatkan digunakan untuk kepentingan mereka akan tetapi sebenarnya kemahiran mereka ini tidak dapat digunakan selalu kerana permintaan dari orang ramai tidak selalu ujud. Kepakaran dalam pertukangan rumah hanya ujud buat beberapa ketika saja. Kemudian habis semasa sebaik kerja ini ia menghabiskan masa mereka dengan kerja-kerja sambilan seperti melibatkan diri dalam pertanian akan tetapi pekerjaan ini tidak selamanya. Walaupun musim pertanian itu belum selesai. Kalau ada kerja yang memerlukan pertukangan, maka ditinggalkan kerja sambilan tadi dan turus mengeborkan diri ke dalam kerja asal mereka.

Di segi pendapatan pula, adalah sukar untuk mengiranya kerana kesungkisan kepekarananya tidak begitu selalu digunakan dan sebaliknya. Berdasarkan hitung panjang yang dibuat untuk tiap-tiap bulan mereka ini mamparolchi sebanyak \$150 sebulan. Pendapatan mereka ini adalah bergantung pada banyaknya kerja pertukangan dilakukan.

Berdasarkan pada kenyataan di atas, dapat dikatakan susunan pendapatan bagi golongan yang tidak melibatkan diri pada pertanian adalah lebih stabil dibandingkan dengan golongan yang berpegang pada pertanian.

b. Perbelanjaan

Di lihat di segi pendapatan yang mereka perolehi, maka secara umumnya ternyata bahawa peluang untuk membelanjakan kepada sesuatu faktor adalah lebih terbuka berdasarkan pada pendapatan yang mereka perolehi. Kedudukan ekonomi yang teguh menampakkan kemajuan yang mereka capai di semua segi adalah lebih terbuka misalnya pencapaian di segi pelajaran, kajian kos yang dibuat ke atas sebuah keluarga yang berjawatan seorang guru, secara umumnya mengangarkan sedemikian rupa.

Kajian kos

Sebuah keluarga yang terdiri dari seorang guru, seorang isteri keluarga ini agak besar, mengandungi 11 orang anak, 5 daripada anak-anak mereka adalah dalam pesekolahan antara tingkatan 1 hingga tingkatan 6. Sementara tiga daripadanya masih lagi dalam sekolah rendah dan tiga belum lagi berskolah. Pendapatan yang diterimanya sebanyak \$1,200 sebulan dan dari isteri \$50.00

Di antara 5 daripada yang berpelajaran pada peringkat menengah

2 antaranya memasuki sekolah persendirian.*

Berikut adalah mengubarkan susunan perbelanjaan yang pernah dibuat mereka:

1.	Belanja dapur	\$150.00
2.	Belanja anak-anak sekolah	\$300.00
3.	Berulang alik ke bandar dan balik ke kampong asal	\$ 60.00
4.	Perubatan	\$ 50.00
5.	Upah mengerjakan sawah di kampong	\$100.00
6.	Pakaian anak-anak	\$ 70.00
7.	Insuran motokar dan mesin jahit	<u>\$250.00</u>
		<u>\$980.00</u>

Dari jadual ini mengambarkan yang kesempatan mereka untuk menampung adalah sempit sekali. Selain daripada pendapatan pihak suami, si isteri berniaga secara kecilan di kantin sekolah yang dianggarkan dapat keuntungan \$50 sebulan.

Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan kajian kes ini ialah pendapatan yang lumayan dapat menampung segala keperluan yang dikehendaki di dalam keluarga mereka.

1.2 Hasil Keluaran yang dia dapat dari ketiga-tiga jenis pertanian ini.

Tanaman padi, tembakau dan getah merupakan tanaman yang paling popular pada penduduk tempatan. Berkaitan dengan padi, jenis tanaman

* Bererti membayar segala bentuk yuran yang dikenakan oleh pihak sekolah oleh murid-murid yang belajar dengannya.

ini adalah merupakan tanaman major pada penduduk kerana pedi sebagai tanaman sasasi. Keluarannya adalah sebagai kegunaan setempat, walaupun ia hanya diterjekan tiap-tipe tahun, namun keperluannya tidak pernah mencukupi walaupun pengenalan teknologi moden diperkenalkan, tapi hasilnya tidak berubah. Mungkin keramaian penduduk menyebabkan terjadinya demikian. Walaupun bagaimanapun corak pertanian moden tidak diperkenalkan lagi. Corak yang dimaksudkan ini, umpannya bahan yang bernutuh dan sistem saliran yang baik seperti yang ujud di perairan-perairan Kemulu dan juga Nuda itu, hingga masa ini. Pengeluarannya adalah tidak menjamin untuk mencukupi penduduk tempatan tunai. Hampir setiap keluarga yang dikaji adalah melibatkan diri dengan perusahaan ini. Corak pendapatan masyarakat toni di sini berubah sedikit kerana pengenalan P.P.K. (Pusat Pelebur-pelabur Kecil) di mana fungsinya ialah mengeluarkan hasil getah sebanyak mungkin. Pada dasarnya pengenalan ini boleh dikatakan berjaya kerana perusahaan mereka bertambah. Satu issue yang perlu ditekankan di sini ialah pembelian getah oleh pihak-pihak yang telah diluluskan oleh kerajaan telah mendorong minat mereka untuk berusaha lebih. Kalau dulu mereka ditakut oleh pembeli-pembeli yang tidak berlesen yang dikenali juga sebagai 'broker'. Tapi dengan ujudnya institusi baru ini harga tetap dan sentiasa tinggi hampir selaras dengan harga antara bangsa telah menambah keluaran getah itu.

Di segi perusahaan tembakau, kecenderungan penanam untuk mengusahakan perusahaan ini begitu meluas apabila diperkenalkan pada tahun 1957 pendapatan yang lumayan yang mereka perolehi telah mendorong minat mereka untuk mengerjakannya. Hampir tiap-tiap keluarga mengerjakan perusahaan ini sekurang-kurangnya 0.25 ekar dengan bilangan pikulnya 12 pikul untuk satu musim. Oleh kerana berjayaanya kejayaan ini maka

bilangan yang dikerjakan mengikut kepada satu ekar pada setiap keluarga. Situasi ini bergantung pada besar/kecilnya keluarga itu. Kalau ianya berbentuk: keluarga kecil memodai seluas 0.5 ekar saja untuk diusahakan.

Dalam segi pengeluaran pertanian ketiga-tiga tanaman ini telah berkembang dengan cepatnya dari masa ke semasa, dan hasil berikutnya menampakkan kadar pendapatan mereka ke arah lebih baik. Akan tetapi di segi faktor cos untuk mengusahakan pertanian itu menjadi sedikit sebanyak kos kos negatif terhadap pengeluaran kos untuk menjuruskannya perusahaan terlalu tinggi adalah menghalang kemajuan di segi pengeluaran. Hampir tiap-tiap tahun harga membajak, harga racun tembakau dan juga baja-baja tembakau dan pasti meningkat naik. Akan tetapi hanya beberapa tahun ke belakangan ini saja harga tembakau naik, itupun sampai 37 sen. Keadaan inilah yang mendorong kemajuan pengeluaran pertanian menjadi lembab.

Sebagai kependidikan

Dapatlah dikatakan bahawa jenis-jenis pekerjaan, jenis tanaman yang dilakukan oleh penduduk tempatan telah mengambarkan struktur jenis pendapatan yang diterima dengan yang demikian maka dapatlah dilihat akan struktur ekonomi yang berlaku di sini sama ada lebih baik ataupun tidak berubah.

BAB VI

MASAALAH SOCIAL PADA STRUKTUR PEMILIKAN YANG TAK SERATA

Akibat pemilikan tanah yang tidak serta dimiliki oleh masyarakat tani di Bechah Kelubi. Beberapa fenomena yang merupakan masaalah pada petani tempatan. Di antara fenomena-fenomena tersebut misalnya:-

- 1.1 Pemilikan mengikut jantina.
- 1.2 Pemilikan mengikut umur.
- 1.3 Pekerjaan mengikut pelajaran.
- 1.4 Pergerakan buruh ke bandar-bandar dan ke tempat lain.

1.1 Pendlikan mengikut jantina.

Negeri Kelantan adalah salah sebuah negeri yang nengamalkan dasar nisab sebelah bapa. Dengan ini tidak ketinggalan Bechah Kelubi nengamalkan dasar ini. Di mana ianya adalah tidak bersamaan dengan adat pepatih yang diamsal oleh kebanyakan penduduk di negeri Sembilan. Di Bechah Kelubi, segala harta-harta yang bersangkut dengan perwaris adalah di dasar pada sebelah bapa. Di sini secara tak langsung menunjukkan pihak lelaki berkesempatan yang lebih dalam segi pemilikan harta. Di samping itu pihak lelaki adalah lebih menerima bahagian pemilikan di banding dengan golongan perempuan 2/3 adalah diuntukkan untuk pihak lelaki dalam pembahagian harta warisan, manakala pihak perempuan hanya dapat memiliki 1/3 bahagian harta perwarisan saja.

Bechah Kelubi merupakan masyarakat yang mengangalkan nisab kebapaan tadi, hampir ke semua household yang dikaji memerlukatkan dimiliki oleh lelaki. Jadual di bawah menunjukkan situasi yang sebenarnya ujud di Bechah Kelubi dalam struktur penguasaan harta di kalangan mereka.

Jadual 20

Penguasaan Harta di Kalangan Masyarakat Tani
Bechah Kelubi

Jenis sex yang memilik	bil.	%
L	36	90
P	4	10
Jumlah	40	100
Jenis sex tanpa memilik		
L	8	80
P	2	20
Jumlah	10	100

Daripada jadual yang tergambar di atas boleh kita membuat kesimpulan di mana:

- a) Penguasaan yang ditanggungi oleh pihak lelaki tersebut merupakan suatu tanggung yang berat iaitu keluarganya besar, dengan sifat yang dinamik di segi fizikalnya adalah kewajipan mereka diletak tanggungjawab sedemikian.

- (b) Bilangan golongan perempuan yang minoriti ini kemungkinan besar ketiadaan golongan lelaki untuk diletakkan tanggungjawab sedemikian.
- (c) Masyarakat di sini adalah lebih memberatkan penguasaan harta diserah pada golongan lelaki menguruskannya.

Namun tetapi, golongan perempuan tidaklah dikatakan tidak begitu langsung, sungguhpun hak pemilikannya tidak setimpal dengan golongan lelaki, golongan mereka juga sebagai pembantu pada golongan lelaki di segi pengurusan bahkan setengah daripada mereka menjadi tulang belakang pada satu-satu keluarga apabila pihak lelakinya alami sesuatu kerumitan dalam menjusahakan sendiri.

1.2 Penilikan mengikut Umur

Umur mempengaruhi seseorang dalam menentukan penilikan. Orang-orang yang dianggap tidak mencukupi umur untuk memiliki tanah, maka ia tidak boleh memiliki, akan tetapi sungguhpun begitu, ia boleh milik melalui seorang penjaga.⁽¹⁾ Hal ini biasanya berlaku apabila sesebuah keluarga yang mati ketua rumah, dengan itu hak perwarisan harta yang dimiliknya tumpaksa dibahagikan kepada anak-anaknya. Anak tidak mencukupi umur biasanya berlaku seperti itu. Dalam jadual di bawah menunjukkan

(1) Pengaja bermaksud orang bertanggungjawab dalam hal penjagaan dan pengurusan tanah yang diamanah kepadanya, tapi bila orang yang dijaga sampai umur untuk memiliki maka hendaklah ia beri hak penjagaannya pada pemilik sebenar.

gulongan nena yang kebanyakannya memiliki tanah.

Jadual 21

Jadual Menunjukkan Taburan Pemilikan Berdasarkan Umur

Umur (dalam tahun)	bil.	%
20	2	4
21 - 30	6	12
31 - 40	9	18
41 - 50	22	44
51 - 60	7	14
61 ke atas	4	8
Jumlah	50	100

Jadual ini menunjukkan yang gulongan yang berumur di antara 41-50 adalah yang teramai di banding dengan gulongan-gulongan yang lain, 22 (44%). Sementara yang terendah sekali ialah yang kurang daripada 20 tahun iaitu hanya 2 orang saja (4%). Dengan ini dapatlah dibuat kesimpulan bahawa:

1. Gulongan 41-50, adalah yang paling sesuai sekali dalam hal mendbir dan menguruskan tanah sendiri tanpa bantuan dari gulongan ibubapa mereka. Dan lagi kebanyakannya daripada ibubapa mereka sudahpun men^{inggal}, dunia dengan itu segala hak pemilikannya sudahpun terserab kepadanya.
2. Gulongan yang berumur 21-30 dan 31-40 hanya 6 keluarga dan 9 keluarga saja, ia disebabkan oleh kebanyakannya belum

lagi terserah kepada mereka hak pemilikan tanah dari ibubapa mereka, kerana dianggap ibubapa mereka masih lagi mampu mengusahakan tanah sendiri, lagi pun kebanyakannya daripada golongan ini masih lagi tidak mempunyai tanggungan yang berat. Kalau ada penambahahan pun ianya berpunca dari cara belian.

3. Golongan yang berumur antara 51-60 dan ke atas daripada 61 tahun adalah semakin menurun bilangan pemilikan ini adalah berpunca dari kekuasaan mereka dalam mengusahakan tanah yang dimilikinya semakin kurang mungkin disebabkan oleh kesihatan ataupun untuk mengelakkan daripada anak-anak mereka bergaduh apabila mereka mati kelak.⁽²⁾
4. Golongan yang terakhir ialah yang kurang daripada 20 tahun, 51 mana hanya 2 keluarga saja, ini disebabkan pada pemikiran ibubapa mereka adalah tidak elek diberikan hak pemikiran mereka pada anak-anak yang hanya berusia sedemikian, kerana dianggap masih muda dan lagi pun ibubapa mereka masih lagi mampu untuk mengusahanya sendiri. Kejadian angka sekecil ini adalah kerana kemungkinan anak yang mereka ada hanya anak tunggal, untuk memudahkan mereka sendiri. Maka ditukarkan terlebih awal hak pemiliknya dan satu lagi mungkin ibubapanya sudahpun meninggal dengan itu hak

(2) Maknud di sini ialah, kebanyakannya masyarakat tani akan bergaduh bersabit dengan harta pesaka. Kalau tidak diuruskan sebelum ibubapa mereka meninggal dunia.

pemilikan jatuh kehilangannya.

1.3 Pencapaian pelajaran yang tidak sama

Syed Hussin Ali telah menegaskan yang pencapaian pelajaran adalah menentukan sesebuah masyarakat itu maju atau mundur, dan ianya juga adalah berkait rapat dengan kemiskinan.⁽³⁾ Kalau sesebuah keluarga itu kaya, maka ia dapat memenuhi kehendak pelajaran dari anak-anaknya, dan seterusnya dikatakan maju, begitu juga sebaliknya. Kalau sesebuah keluarga itu miskin maka kemampuan untuk memenuhi kehendak pelajaran pada anak-anak mereka adalah sangat terbatas dan seterusnya keluarga itu mundur kebelakang.

Walaupun begitu, mereka sedar yang pelajaran adalah faktor yang penting dalam perubahan sosial dan pelajaran juga merupakan sebagai penarik status mereka. Kalau keluarga yang berpelajaran, maka dihormati walaupun tidak berharta dengan ini kita peralihhi kesederhan masyarakat tanpa ke arah pelajaran agak positif kalau dibanding apa yang mereka peralihhi dulu dengan apa yang diperolehi dulu dengan apa yang diperolehi oleh anak-anak mereka.

(3) Syed Hussin Ali: Stratifikasi Soc. di Kampung Bangan, 1968

Jadual 22^a

Pembahagian Pelajaran Yang Dicapai Oleh Ibubapa Dan Anak-Anak Mereka.

Darjah yang dicapai oleh ibubapa dan anak-anak	Gulongan Ibubapa		Gulongan anak-anak mereka	
	bil.	Peratus	bil.	Peratus
0	23	46	5	10
1 - 3	4	8	16	32
4 - 6	18	36	12	24
Tingkatan 1 - 3	3	6	12	24
Tingkatan 4 - 5	2	4	3	6
Tingkatan 6	-	-	1	2
Tingkatan 6 ke atas	-	-	1	2
Jumlah	50	100	50	100

Berdandukan jadual di atas dapatlah dinyatakan yang perkembangan pelajaran di kalangan anak-anak mereka adalah lebih baik kalau dibandingkan dengan tingkat yang mereka capai semasa dulu. Masa mereka dulu gulongan yang tak pernah ke sekolah adalah ramai sekali 23 keluarga (46%) ini menunjukkan gulongan buta huruf adalah minoriti dibanding dengan gulongan-gulongan yang lain. Sementara pada anak-anak mereka hanya 5 keluarga saja yang tidak menghantar anak mereka ke sekolah, ini merupakan perbezaan yang sangat besar. Sementara gulongan ibubapa yang terasai mencapai pelajaran pada tingkat sekolah rendah saja iaitu dari darjah 4-6, bilangannya seramai 18 keluarga (36%), dengan tingkat ini membolehkan mereka tahu membaca dan menulis. Sementara di kalangan anak-anak mereka tingkat ini seramai 12 keluarga (24%) yang mencapai pelajaran antara darjah 1 hingga 3 di kalangan ibubapa hanyalah 4

keluarga (8%) sementara yang diperolehi oleh anak-anak mereka seramai 16 keluarga (32%). Pihak ibubapa semakin menurun bilangannya apabila ke tingkat yang lebih tinggi, tetapi bagi anak-anak mereka bilangannya semakin ramai. Pada peringkat menengah rendah, golongan ibubapa hanya 3 keluarga saja, sementara anak-anak mereka 12 keluarga (24%). Begitu juga bilangan ke menengah yang sampai ke tingkatan 4-5 hanya 2 keluarga saja (4%) tapi pada anak-anak mereka, bilangannya sungguhpun sedikit namun masih lagi ada yang mampu sampai ke peringkat ini bilangannya 3 keluarga (6%). Pada ibubapa yang mencapai ke taraf tingkatan 6 ke atas adalah tiada langsung. Manakala pada anak-anak mereka yang mencapai ke tingkat tersebut 2 keluarga yang sampai ke tingkatan 6 satu keluarga (2%) dan yang mencapai ke atas daripada tingkatan 6, 1 keluarga (2%). Antara perbandingan pencapaian ibubapa dengan anak-anak mereka, lihat Jadual 22b.

Jadual 22 b.

Tingkat pelajaran ketua rumah			Tingkat pelajaran yang dicapai oleh anak								
Ting. pencapaian	Jumlah bil.	%	belum sekolah	0	1-3	4-6	Tgt 1-3	Tgt 4-5	Tgt 6 ke atas	bil.	%
0	23	46	9	12	19	16	7	1	-	64	40.8
1 - 3	4	8	5	-	1	1	-	-	-	7	5.3
4 - 6	18	36	11	2	7	9	6	2	1	38	29.0
Tgt. 1 - 3	3	6	6	-	2	1	-	-	-	9	6.9
Tgt. 4 - 5	2	4	6	-	1	2	3	-	1	13	9.9
Tgt. 6 ke atas	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	50	100								131	99.9

Dengan ini dapatlah dibuat beberapa kesimpulan iaitu:

1. Kesedaran masyarakat tani terhadap pelajaran adalah lebih ke depan berbanding dengan apa-apa yang dicapai oleh mereka semasa dulu.
2. Walaupun bilangan yang tidak menerima pelajaran langsung pada anak-anak mereka itu hanya 5 keluarga namun ianya adalah dikatakan berat juga ~~masa~~lehnya. Mungkin kerana kemiskinan menjadikan mereka tak mampu menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Walhal, mereka sedar yang kepentingan pelajaran adalah sangat-sangat mustahak dalam menentukan hidup anak-anak mereka di masa depan.
3. Pada keseluruhannya didapati bahawa untuk melanjutkan pelajaran di kalangan anak-anak mereka ke taraf yang lebih tinggi adalah berkurangan sekali, hanya seorang saja yang mencapai ke taraf ke atas daripada tingkatan 6. Di sini boleh juga dibuat kesimpulan bahawa minat anak-anak mereka kepada pelajaran adalah merosot kerana keadaan kampung yang terbiasa,⁽⁴⁾ tambahan pula tempat belajar pada yang sampai ke taraf tingkatan menengah dan menengah atas adalah sangat jauh, ianya terletak di Pasir Bes atau pun di Tanah Merah. Sementara tingkatan menengah atas terletak di Kota Bharu, rajah kedudukan

(4) Maknud terbiasa di sini ~~sekolah~~ ketidadaan kesudahan awan yang moden seperti letrik, paip air dan juga kendaraan pengangkutan.

sokolah di bawah. Hanya bagi mereka yang mampu saja dapat mencapai ke taraf sedemikian. Walaupun ujud kesedaran di kalangan penduduk kampung namun ianya tidak dapat mengubah nasib mereka.

Jadual 23

Taburan Tempat Pelajaran Yang Diterima Oleh Anak-Anak Mereka Mengikut Class Tertentu.

Jenis Class	Tempat	bil.	%
1 - 6	KBK	30	23.0
	Luar KBK	5	3.8
Tingkatan 1 - 3	Tek ubah	28	21.4
	Kengkong	6	4.6
Tingkatan 4 - 5	P. Mas	35	26.7
	T. Merah dll.	15	11.5
Tingkatan 6 ke atas	K. Bharu	10	8.3
	K. Lumpur dll.	2	1.0
Jumlah		131	100

1.4 Pergerakan tenaga-tenaga buruh ke bandar dan tempat-tempat lain

Masaalah mobiliti tenaga-tenaga buruh ke bandar dari kampung bukan merupakan masaalah yang baru, ia sudah ujud beberapa tahun kebelakangan yang lepas ianya semakin hari semakin besar bilangan yang

terlibat. Jabatan Imigresian Kota Bharu menganggarkan 100,000 penduduk di Kelantan adalah masuk ke Singapura⁽⁵⁾ itu hanya Singapura tidak termasuk di negari-negari di Malaysia seperti Pahang, Kedah dan sebagainya yang tidak memerlukan kelulusan passport. Lihat rajah 26 menunjukkan pergerakan buruh Bechah Kelubi. Berdasarkan gambaran ini, maka masaalah pergerakan buruh bukan lagi dikatakan masaalah yang remeh dan kecil, malah telah menjadi masaalah kebangsaan. Bechah Kelubi juga turut mengalami masaalah yang sama iaitu pengaliran tenaga buruh ke bandar-bandar bilangan yang terlibat sebanyak 10 keluarga yang bilangan termasuk ke semua 35 orang. Sebenarnya setengah daripada mereka bukan suka pergi ke tempat-tempat baru seperti penghijrahan⁽⁶⁾ tersebut, malah mampunya sebab-sebab tertentu yang menyebabkan antaramaya:-

- i. Perkembangan Pelajaran Hoden.
- ii. Kekurangan tanah yang hendak diusahakan di tempat sendiri.
- iii. Perubahan sistem ekonomi.
- iv. Sikap gulungan mudah pada sektor pertanian.
- v. Ujudnya peluang-peluang pekerjaan di tempat-tempat lain.
- vi. Pengaruh bandar.
- vii. Faktor Bersiar-siar.

1. Perkembangan Pelajaran Hoden.

Seperi yang telah dinyatakan pada bahagian peringkat pelajaran

(5) Utusan Melayu, Oktober 1978

(6) Makna penghijrahan bukan bererti perpindahan tapi sebagai makna keluar daripada tempat asal, kemudian balik semula, bila-bila waktu yang patut pada mereka.

sepadan dengan pelejaraan yang mereka terima semasa persekolahan dulu. Lagipun mereka berpendapat bahawa kerja di sawah adalah mengotorkan dengan sebab-sebab yang demikianlah menjadikan diri mereka mencobuk ke arena pertanian adalah sedikit sekali, mereka lebih rada bekerja di tempat-tempat yang jauh daripada kampung walaupun kerja buruh upahan dengan pendapatan yang jauh lebih berbeza kalau di bandingkan dengan apa mereka perolehi kalau kerja di kampung sendiri.

Faktor ini juga mendorong minat mereka untuk bekerja di luar kampung sendiri, dan ujudlah pergerakan tenaga kerja dari kampung ke bandar-bandar.

11. Keluangan Tanah yang hendak diusahakan.

Teori ekonomi telah menegaskan bahawa tanah merupakan faktor tetap, ia tak boleh ditambah dan juga tak boleh dikurangkan,⁽⁷⁾ akan tetapi manusia semakin hari semakin ramai, dengan keadaan ini kadar permintaan ke atas tanah adalah meningkat dari sehari ke sehari, dan akhirnya tanah tidak mencukupi atas keperluan manusia. Dengan ini manusia perbuat apa saja untuk menyambung hidup mereka. Satu cara yang mereka buat ialah dengan cara mencari kerja di tempat-tempat lain. Selain daripada itu ada juga yang mendapatkan tanah secara membeli dari orang lain dan ada juga dengan cara memohon dari kerajaan untuk mendapatkan tanah-tanah baru, usahamnya Felda Kenyahang (terletak kira-kira 11 batu dari Tanah Merah) tetapi cara ketiga dan kedua merupakan

(7) Hargharan Singh Klkera, Perinsip ekonomit, Yayasan Anda, Kuala Lumpur 1970.

yang dicapai oleh masyarakat tanah di atas, ialah pelajaran sebagai titik perubahan sosial pada satu-satu masyarakat. Pengaruh pelajaran moden adalah berkesan sekali dalam menentukannya. Pengenalan pelajaran ber-corak secular telah mendorong ibubapa menghantar anak-anak masing-masing ke sekolah deni untuk kejayaan. Akan tetapi kebanyakannya sekolah-sekolah yang bertaraf menengah dan menengah atas adalah tidak mudah diperolehi di kampung itu sendiri untuk ini. Anak-anak mereka terpaksa pergi ke tempat lain supaya mendapat pelajaran yang dikehendaki. Ada setengah daripada anak-anak mereka terpaksa menetap buat sementara waktu di kawasan sekolah, di mana tempat mereka belajar dan ada pada setengahnya berulang alik ke kampung, tapi bilangan ini hanya yang belajar di kawasan berdekatan saja seperti Pasir Mas dan Tanah Merah dan kawasan yang sekitarnya kampung itu saja walaupunnya Kangkong dan To'Uban untuk gambaran yang jelas lihat gambarajah taboran tempat belajar yang diterima oleh anak-anak masyarakat Sechah Kalubi.

Dengan sebab mereka belajar di tempat berasingan inilah menjadikan diri mereka melibatkan dalam sektor pertanian di kampung begitu terhad sekali. Dan lagi akibat daripada corak pelajaran moden yang diturunkan oleh mereka ini juga menjadikan mereka kurang berminal untuk melibatkan diri pada pertanian kerana pada setengahnya menganggap kerja ini kurang berjaya dan dipandang rendah oleh masyarakat dengan inilah menjadikannya bilangan mereka semakin berkurang dalam penglibatan pada sektor pertanian. Berpunca dari perkembangan sistem pelajaran moden, kebanyakannya gulongan-gulongan muda kurang berminal untuk melibatkan diri masing-masing dengan sawah, kebanyakannya pada gulongan lepasan sekolah keranakan pada pandangan mereka kerja-kerja seperti turun ke sawah atau bendang adalah kerja yang bertaraf rendah dan memalukan dan tidak

bilangan yang sangat sedikit kalau di banding dengan keramaihan penduduk di sini. Jalan yang mereka ambil ini boleh menjelaskan pengusahan tanah di kampung ini. Dan perpindahan mereka ke tempat-tempat baru merupakan masalah social yang dihadapi oleh masyarakat kampung ini.

iii. Perubahan Sistem ekonomi

Carak pemikiran kapitalis sedikit sebanyak telah menyerap kepada masyarakat tani, di mana sistem pertukaran wang merupakan faktor terpenting dalam menentukan taraf hidup masing-masing gambaran seperti ini adalah hasil peninggalan penjajah pada masyarakat tempatan di mana penjajah di masa dulu menggalakkan penduduk tempatan pada pertukaran wang satu contoh yang baik ialah berniaga. Dalam hal mengumpulkan wang terdapat tiga kemungkinan yang pasti. Sesebuah keluarga itu lalui untuk mencapai tingkat pengumpulan wang yang maxima antarenya:

- a) Menambahkan pengeluaran,
- b) Mengeluarkan tanaman baru dan,
- c) Membuat kerja-kerja yang memerlukan gaji tunai.

Dalam ketiga-tiga kemungkinan ini, faktor ketiga menampakkan pilihan poteri yang pertama sekali kerana kerja yang dibuat dapat mengumpulkan wang secara direct manakala faktor pertama dan kedua memerlukan faktor lain lagi iaitu tanah, sedangkan masalah ketidak cukupan tanah merupakan masalah yang mereka hadapi, begitu juga dengan cara mengeluarkan tanaman baru, di mana memerlukan tapak yang baru ini juga berkehendakan tanah-tanah yang baru.

Faktor yang menyatakan membuat kerja-kerja yang mempunyai gaji tunai, secara tak langsung melibatkan diri mereka ke tempat-tempat baru,

yang mana mampu menyediakan kerja-kerja kepada golongan ini. Dengan ini mereka yang terlibat terpaksa keluar daripada kampung mereka senamata untuk mencari kerja demi kepentingan pengumpulan wang.

Apa yang hendak ditekankan di sini ialah akibat daripada munculnya perubahan sistem ekonomi dari bercorak sara diri kepada pengumpulan wang, menjadikan minat mereka terpaksa keluar kampung demi mencapai apa yang dikehendaki.

Jadual 24

Buruh di Luar Kampung: Umur Buruh di Luar Kampung

Umur	bil.	%
20	4	11.4
21 - 25	15	42.8
26 - 30	10	28.6
31 ke atas	6	17.1
Jumlah	35	99.9

iv. Ujudnya peluang-peluang pekerjaan di tempat-tempat lain

Zaman pembangunan yang dicapai oleh negara yang sedang membangun ataupun sudah membangun telah mengujudkan banyak peluang-peluang kerja pada belia-belia, tetapi mereka dikehendaki untuk membuat sesuatu projek pembangunan. Biasanya tenaga mereka digunakan untuk projek perumahan, projek rumah-rumah pangsa sebahagian besar daripadanya melibatkan tenaga mereka. Peluang-peluang seperti ini adalah dinanti oleh golongan yang mahu meninggalkan kampung untuk mencari pekerjaan peluang kerja ini ditambah dengan tawaran gaji yang lumayan biasanya 9/- - 14/-. Bagi gaji

9/- mereka ini dikatakan berada dalam perubaan, di sini mereka yang baru diajar supaya menjadi lebih mahir, apabila buruh tadi dikira mahir sedikit dinaikkan ke tangga 10/- sehari dan seterusnya sampai 14/- sehari apabila dikira buruh tersebut cukup mahir dengan kerja-kerja yang ditugaskan kepadanya. Sebenarnya mereka tidak mengira berapa jam mereka dipperlukan bekerja, 9 jam dengan 12/- adalah harga yang tidak mahal. Tapi oleh kerana mereka tiada biasa dengan tangga gaji sebegini tinggi mereka tidak nampak kedudukan sebenarnya. Gambar rajah 24 dan 25 menunjukkan kategori gaji dan bilangan yang terlibat.

Jadual 25

Kategori Gaji Yang Diterima Oleh Buruh
Bekerja di Luar Kampong

Gaji	Bil.	%
9	2	5.7
10 - 11	11	31.4
12 - 13	15	42.9
14 ke atas	7	20.0
Jumlah	35	100%

Kecenderungan tenaga belia untuk kebendaan semata-mata mencari kerja begitu terbuka sekali apabila kembalinya rakan-rakan mereka dari tempat-tempat kerja, di mana rakan-rakan ini menerangkan kedudukan kerja dan tangga gaji yang diperolehi, tambahan pula masaalah untuk mencari kerja tidak timbul kerana rakan-rakan mereka tadi menjamin kerja yang dikehendaki. Faktor-faktor ini telah mendorong kepada mereka pergi ke bandar untuk mendapatkan kerja yang dikehendaki itu.

v. Pengaruh Bandar pada Belia-Belia Kampung.

Kebanyakan belia-belia kampung menyangka yang tinggal di kampung dengan mengerjakan kerja-kerja kampung adalah tidak maju, mereka menganggap kerja seperti ini tidak bertambah pendapatan mereka dan sebaliknya menyay-
ka bahawa di bandar merupakan kerja yang berpututan dan dianggap maju,
walaupun tidak berkelulusan, kerja dibandar pada tanggapan mereka adalah
lebih tinggi status daripada kerja di kampung. Dengan sebab inilah men-
buatkan mereka berpindah ke bandar.

Pengaruh bandar juga menjadikan mereka menuju ke bandar di mana
di bandar terdapat alat dan jenis segala bentuk hiburan yang mana jenis-
jenis hiburan seperti ini tiada ujud di kampung, tambahan pula kalau ada-
pun di kampung-kampung hanya berbentuk informal saja, umpannya wajang
gesek yang ditayangkan oleh Kementerian Penerangan. Selain daripada itu
mereka juga selalu dikenakan pentang larang berkait dengan adat yang di-
percaya oleh masyarakat tempatan tapi di bandar mereka bergerak lebih
bebas daripada di kampung.

Faktor-faktor inilah yang menjadikan minat mereka kepada bandar
adalah lebih dan seterusnya mereka berhijrah ke bandar tersebut.

vi. Faktor Bersiar-siar.

Sebenarnya faktor ini hanyalah sebagai faktor tambahan bagi
ke empat-enam faktor yang disebutkan di atas, dan ianya melibatkan sebi-
langan kecil saja. Mereka yang terlibat, mensifatkan diri mereka tiada
pengalaman dalam hal-hal seperti negeri lain. Jadi sebagai satu jalan yang
diambil ialah secara bersiar ke tempat itu sambil bekerja. Gulungan ini

tidak bermifat mengumpulkan wang-wang yang diperolehi dari kerja adalah dihabiskan untuk bersiar-siar.

Walau bagaimanapun fakta ini juga dianggap penting kerana setengah daripada yang meninggalkan kampong menuju ke bandar adalah akibat daripada fakta ini.

Ketemua ke tujuh-tujuh faktor yang diuraikan di atas adalah melibatkan kecenderungan masyarakat kampong untuk berpindah ke tempat-tempat besar biasanya kota-kota besar seperti Kuala Lumpur, Singapura adalah menjadi tujuan mereka untuk gambaran selanjutnya rajah di bawah menurangkan struktur pembahagian kerja yang terdapat di bandar-bandar yang dipilih oleh masyarakat Bechah Kelubi.

Jadual 26

Tempat Pembahagian Kerja Yang Dipilih Oleh Masyarakat Bechah Kelubi

Tempat Kerja	bil.	%
Singapura	29	54.2
Kuala Lumpur	9	25.7
Kota Bharu	4	11.4
Pasir Mas	2	5.7
Lain-lain tempat	1	2.9
Jumlah	55	99.9

Apapun yang dapat disimpulkan di sini ialah sebahagian daripada mereka adalah memilih Kota Singapura sebagai tempat kerja mereka. Kemudian pilihan kedua ialah Kuala Lumpur yang lain-lain adalah sedikit sekali jumlah yang terlibat ke semuanya ialah berbentuk buruh kasar saja.

Antara kesimpulan yang dapat dibuat di sini ialah--

1. Kota Singapura dan Kuala Lumpur merupakan pusat bandar yang mempunyai peluang kerja yang banyak, di samping kemudahan-kemudahan yang lain, seperti kemudahan hiburan umumnya.
2. Kedua kota-kota ini merupakan tempat yang jauh bagi mereka jadi adalah dianggap dengan memilih kerja di tempat-tempat ini sekurang-kurangnya dapat menziarahi tempat-tempat ini yang mana pada mereka adalah baik, setidak-tidaknya dapat melihat kemajuan dalam daripada tempat sendiri.

Tetapi mereka tidak sedar yang kedatangan mereka ini merupakan menambahkan lagi masalah social di bandar-bandar yang mereka datangi, walaupun pada sebelah pihak nampak yang masalah di kampung telah kurang nasun membahayakan pihak yang satu lagi.

Pada umumnya, dalam membincangkan masalah social yang dihadapi oleh masyarakat tani di Bechah Kelubi hasil ketidak samaan rate dalam pemilihan tanah adalah jelas menunjukkan yang pemilihan berdasarkan jantina, usir pekerjaan mengikut pelajaran yang dicapai satu pergerakan buruh keluar daripada kampung merupakan masalah social yang sedang ditanggung oleh masyarakat di kampung ini.

BAB VII

PENUTUP

Dalam mengkaji dan menilai masalah kemiskinan di kalangan masyarakat tani di Bechah Kelubi, satu faktor yang dikaitkan dengan struktur pemilikan tanah, adalah jelas bahawa kedua-dua konsep tersebut saling berkait rapat antara satu sama lain, kemiskinan merupakan punca daripada ketidak cukupan tanah yang hendak dimiliki dan bagi yang tidak cukup ini mereka terpaksa bergantung pada sumber-sumber lain.

Kemiskinan merupakan tinggalan penjajah Barat kepada masyarakat tani, di mana tanah-tanah sebahagian besar dimiliki oleh mereka. Kemudian apabila mereka mulai meninggalkan negara ini. Mereka menjual tanah-tanah tersebut pada golongan yang kaya yang dikenal dengan panggilan tuan tanah kejuduan mereka ini juga lebih menyusahkan para petani seniiri, di mana tanah-tanah kepunyaannya dibeli sewa dengan syarat-syarat tertentu, para petani terpaksa merancut kahenak mereka, kalau tidak dengan sendirinya akan tersingkir nasa mereka dalam mengerjakan pada tanah tuan-tuan tanah tersebut.

Dalam hal implikasi ekonomi yang didapati oleh masyarakat tani di Bechah Kelubi, nampaknya adalah lebih baik dibanding dengan sebelum merdeka di mana semasa ini mereka dapat mengecapi nikmat tanaman-tanaman yang baru diperkenalkan, umpannya tembakau di mana setengah deripada pendapatan tahunan mereka adalah berpunca dari tanaman ini. Sekira daripada itu juga ujudnya perusahaan getah secara berkelompok yang sedi-

kit sebanyak mempengaruhi corak ekonomi mereka sehari-hari. Walaupun pada ditanam hanya sekali dalam setahun tapi ianya mencukupi keperluan mereka sehari-hari. Bagi yang tiada sawah padi melibatkan diri pada perusahaan peladangan getah.

Pengenalan alat-alat teknologi moden kepada petani-petani di sini dapat menambahkan pendapatan mereka di samping itu dapat mengurangkan masa dan tenaga di sawah-sawah. Pekerjaan yang dibantu oleh jentera pembajak dan diserburkan oleh baja kimia boleh menambahkan pendapatan para petani, di samping racun serangga yang menjaga daripada dimusnah oleh musuh-musuh tanaman.

Dalam mengkaji implikasi social yang dihadapi oleh para petani di sini, mereka mempunyai masalah yang besar di mana ianya merupakan masalah national, terutamanya penghijarahan tenaga-tanaga kerja dari kampong ke bandar-bandar. Sebenarnya masalah ini tidak boleh disekat, di mana ianya berlaku oleh sebab-sebab tertentu. Usahanya ketiadaan tanah untuk diusaha sehingga setengah-setengah pihak memanggil sebagai "kelaparan tanah". Perkembangan pelajaran moden di kalangan anak-anak hingga terpaksa meninggalkan kampong menuju ke bandar-bandar. Kekurangan minat belia kampong untuk mengusahakan tanah, Pengarah bandar dan juga kejuduan peluang-peluang kerja di bandar-bandar telah mendorong mereka meninggalkan kampong menuju ke bandar.

Balam pada itu struktur pemilikan tanah yang terdapat di Bechah Kelubi adalah tidak sama rata di kalangan mereka, khususnya yang melibatkan diri dengan pertanian ada setengah daripada mereka memiliki lebih daripada sepatutnya (mengikut ukuran kampong) memiliki tanah dan ada setengah daripada mereka adalah tanpa memilik langsung sebarang tanah baik tanah

sawah maupun tanah ladang. Keadaan sedemikian merupakan tekanan pada golongan yang tidak memiliki tanah di mana mereka terpaksa bergantung daripada kaum yang dianggap tuan tanah. Di sini ujudlah konsep tuan tanah menolak kaum pekerjaanya dengan mengenalkan syarat-syarat tertentu pada pekerjaanya. Walaupun ada beberapa langkah kerajaan untuk mengatasi masalah social dengan memberi pelajaran percuma dari darjah satu hingga ke tingkatan enam, namun penyertaan anak-anak mereka ke alam persekolahan belum lagi mengagumkan mengikut dasar sebenarnya masih lagi menganggap pelajaran dicapai oleh anak-anak mereka hanyalah cukup untuk mengenal papan tanda dan papan notis agar tidak sesat di perjalanan. Inilah yang menyebabkan pelajaran anak-anak mereka hanya sekerat jalan saja. Sungguhpun pertolongan kemajuan secara membantu buku-buku teks secara percuma pada anak-anak agar dapat meninggikan lagi taraf pencapaian yang dicapai oleh anak-anak masyarakat tani kehannya namun mereka memandang dingin saja. Masih banyak yang belum menerima buku bantuan tersebut kerana berdasarkan kedudukan sekolah terlalu jauh dengan bandar. Ini merupakan kelemahan pentadbiran sekolah sendiri dalam mengatasinya.

Dalam hal pekerjaan pula ramai daripada mereka yang berdiri dari anggota kampung ini adalah tidak mempunyai pekerjaan yang tutup. Sering ujud penganggoran bermusim iaitu selepas musim padi, mereka menganggon. Mereka ini kebanyakannya tidak berpelajaran untuk memegang jawatan dalam Jabatan Kerajaan apa yang mereka harap hanyalah meminta tanah baru yang dianjurkan oleh pihak kerajaan melalui Felda ataupun LKTKN (Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan). Sebenarnya jumlah calun yang diterima untuk memperolehi tanah seperti ini adalah kecil sekali bilangannya itupun hanya orang-orang tertentu saja yang dipilihnya. Yang

selebihnya daripada itu terpaksaalah menganggor berpanjangan. Dengan itu untuk mendapatkan kerja baru terpaksaalah mereka berhijrah ke tempat lain yang dianggarkan dapat memberi pendapatan baru pada mereka.

Dengan perhijrah tenaga-tanaga muda ini ke bandar-bandar apa yang dimusikikan ialah siapa yang hendak mengerjakan tanah apabila orang itu tidak upaya mengerjakannya lagi, kerana tenaga muda sangat-sangat diperlukan untuk mengusahakannya.

Di sini pengkaji telah memberi beberapa pandangan supaya masalah seperti ini tidak berlanjutan, umpamanya:

1. Mengadakan lebih banyak tenaga jentera di dalam pengusahaan tanah agar bantuan seperti ini dapat dinikmati oleh masyarakat kampung itu tanpa melalui empunya jentera yang lain.
2. Tenaga-tanaga kerajaan umpamanya tenaga sektor pertanian hendaklah bergiat mengikut selera petani, jangan dibiarkan pengusahaan mereka terbangkalai kalau boleh pulihkan keserasian yang mereka tanggung.
3. Dalam hal pemilikan ketatikan lagi undang-undang penjualan tanah supaya tanah mereka tidak lagi terlepas pada orang yang sudah kaya, projek Felcra yang memulihkan tanah kemudian diberi pada orang awam, hendaklah diberikan perhatian pada peringkat luar bandar seperti ini kerana masalah sempena ini akan menjadi lebih buruk kalau dibiarkan berterusan. Cadangan seperti ini, sekurang-kurangnya dapat menyelesaikan masalah social yang sedang ujud pada peringkat kampung.

Dalam pemilikan tanah yang tidak serata ini, telah menampakkan kepada kita bahawa ada empat kategori pemilikan di Bechah Kelubi iaitu penyewa, penyewa pengguna, pemilik pengguna dan tuan tanah. Keujudan keempat-empat kategori inilah secara tak langsung mengubarkan masaalah pemiliki adalah serius dan kemungkinan golongan penyewa sepenuhnya semakin ramai daripada golongan yang lain-lain. Sungguhpun ada usaha-usaha kerajaan untuk mengatasi masaalah pemilikan yang tidak serata dan hubungannya dengan kemiskinan ini tapi kejayaannya belum lagi dilihat. Apa yang diharap-harapkan oleh kita ialah walaupun masaalah ini tak dapat dihapuskan 100%, Sekadar memohon daripada ianya menjadi lebih teruk adalah sudah memadai.

Rujukan:

1. Claire Sellitz; Research Method in Social Science, holt. Rinehart and Winston, New York. 1957
2. Corney Bailey; Broken, Mediafer, Patron & Kingship, S.E.A A Historical analysis of Kay leadership Roles in rural Malaysia District, Athen Ohio. 1976
3. Chayanov; The Theory of Peasant Economic (terjemahan), Smith Kenbley & Irovin. 1966
4. Dr. Mahadhir Mohd; The Malay Dilema, Donald Moore for Asian Pacific Press, Singapore. 1970
5. Firth, Raymond; Malay fisherman, Their Peasant Economic, Rountledge & Keger Round Ltd., London. 1966
6. Galeski; Peasant & Peasant Sociatian (ed) oleh Tender Shamin Penguin Book. 1971
7. Gullick, I.M; Indigenous Political System of Western Malays, London, 1958.
8. Husin Ali, Syed; Stratification in Kampung Bagan, monograph of the Royal Asiatic Society, K.L., 1964.
9. Jogender Singh; Tawarikh Tanah Melayu, 1400-1963, DEP, K.L. 1973
10. Kroeber; Antropology, Hancourt, Brace & Bold. 1948
11. Manning, Nash; Peasant Citizen, Politics, Religion and Modernization in Kelantan, Malaysia, (Athen, Ohio). 1974
12. Swift, M.G.; Malay Peasant Society in Jelebu, London Athlone press. 1965
13. Redfield, R; The Little Community, University of Chicago Press. 1955
14. Shantin Teoder; The Persenting as a Political (ed), peasant aand peasant society, Shamin penguin Education. 1971
15. Selvadurai; Geographic Economic Study of Padi Farm in Kemubu Area, of Kelantan, Kementerian Pertanian & Syarikat Kerjasama Malaysia, K.L, 1968
16. Senu Abdul Rahman; Revolusi Mental, Utusan Melayu, K.L. 1968
17. Khera, Hacharan Singh; Prinsip-prinsip Ekonomi, Yayasan Anda, K.L., 1970.

18. Wilson, P.J; A Malay Peasant Village in Malaysia, social value and rural development, New Mori Press. 1967
19. Wolf, E.R; The Peasant Society, the peasant and peasant society, Tender Shamim, Penguin B. Education. 1971

Risalah:

1. Foster, G.M; Peasant Society & the Imagine of Limited Good, American Anthropology Vol II, 1956.
2. Husin Ali; Syed; Penumpang Milik Tanah & Kemiskinan di Kalangan Luar Bandar, Dewan Masyarakat Sept., 1975.
3. Ismail Bakti; Bangau Egas; Malaya in History Vol 6., No.1 Jabatan, 1960.
4. Karl Marx & Frederick; Engels Selected, Marx, Vol 1, Foreign Languages publishing house, 1950.
5. Mazidah Zakaria; Difinasi Masyarakat Tani - satu tinjauan dalam Manusia dan Masyarakat, Majalah Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, K.L., 1974.

Kerja Ilmiah:

1. Kamarudin Said; Pemilikan Tanah dan Kemiskinan Masyarakat Tani di Kelantan, tesis B.A. Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1974.
2. Mohd Azmi Abdul Ghani; Tanah dan Pekerjaan di Kampung Kubang Krian, Kota Bharu, Kelantan, Jabatan Antropologi & Sosiologi Universiti Malaya, K.L., 1975.
3. Houimi, Donald H; Population Change and Primitive Accumulation in Malaysia 1950-1960, tesis M.A. Jabatan Antropologi, Stamford University, 1975.
4. Robert, L.M; Kelantan 1890-1960. Government in traditional - thesis M.A., Universiti Malaya, 1973.
5. Roszehan Mohd Idrus & Rahimah Shaary; Pemilikan Tanah di Kota Bharu Kelantan, Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, K.L, 1973.